

Berita Utama

**BERKENAN BERANGKAT
KE MAJLIS SANTAP BERSAMA PESARA ABDB**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda. Juga berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas (*Lihat muka 3 hingga 4*)

Berkenan hantar titah perutusan tahniah

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam berkenan
menghantar titah perutusan tahniah
kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia
King Maha Vajiralongkorn Phra
Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand.**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand bersempena dengan Hari Keputeraan baginda yang Ke-74 Tahun.



KEMENTERIAN Pertahanan terima kunjungan rasmi

Muka 7



TEROKA strategi pelaburan inovatif, menyokong ekosistem kewangan ASEAN

Muka 8



MENINGKATKAN kesedaran mengenai perlindungan wanita, kanak-kanak

Muka 13



UNISSA memperkasa khidmat masyarakat ke arah kesejahteraan ummah

Muka 21

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Nasional, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun.

Menyertai Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun ialah bakal

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chen Shaochun dan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pertahanan Negara, Republik Rakyat China.


Turut hadir, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

NBD dan Republik Rakyat China mempunyai hubungan pertahanan yang rapat dan terus diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif kerjasama, antaranya melalui Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan, penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama, dan penempatan atase-atase pertahanan di kedua-dua buah negara.

Di bawah platform Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus), NBD dan Republik Rakyat China turut mempengerusikan bersama ADMM-Plus Experts' Working Group on Peacekeeping Operations bagi tempoh 2024-2027. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Nasional, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun (atas, bawah kiri dan bawah).



WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	RABU	14	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
30	KHAMIS	15	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
31	JUMAAT	16	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
1 OGOS	SABTU	17	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.37	7.50
2	AHAD	18	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
3	ISNIN	19	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
4	SELASA	20	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.49

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
33 26 °C	33 26 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
33 26 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
33 26 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
33 26 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

29 JULAI 2026

Menjaga adab dan tatasusila

MENJAGA adab dan tatasusila adalah satu perkara yang semakin hari semakin kurang diambil peduli. Ini kerana percampuran budaya, percampuran cara kehidupan dan kurang penekanan dalam kehidupan seharian. Zaman sekarang mengalami beberapa perkara seperti kemaruhan, ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran yang sedang kita alami hari ini memberikan tekanan dan cabaran kepada semua pihak dalam pelbagai peringkat umur. Dalam zaman yang serba cepat, tidak menentu dan tidak mempunyai kepastian ini menuntut perlakuan yang bijaksana dalam segala hal terutamanya dalam membentuk dan mendidik anak-anak agar mereka mampu menghadapi cabaran hidup yang semakin hebat.

Keperluan untuk menjaga adab dan tatasusila menjadi semakin kritikal. Adab dan tatasusila bukan sekadar norma masyarakat yang harus dipraktikkan, namun ia membentuk asas dalam membina masyarakat yang stabil, sejahtera dan berdaya tahan. Dalam konteks ini, ibu bapa harus mengambil langkah yang proaktif bagi melaksanakan langkah penguatkuasaan adab dan akhlak dengan menanam nilai-nilai murni dalam diri anak-anak mereka.

Amalan tatasusila yang baik dapat mengelakkan anak-anak terpengaruh dengan perkara-perkara negatif. Mereka juga akan belajar untuk menjadi individu yang sabar dan tabah dalam menghadapi ketidakpastian. Selain itu, antara aspek penting yang perlu disuburkan dalam jiwa generasi kini adalah penghargaan terhadap orang lain. Anak-anak muda harus belajar untuk menghormati pendapat dan perasaan orang lain walaupun berbeza pendapat. Ketandusan nilai penghargaan kepada orang lain telah menyebabkan ramai individu kini menghadapi gangguan keperibadian narsistik (NPD).

Budaya Brunei yang mesti dipertahankan ialah berawar *galat*. Berawar *galat* sesama masyarakat dan persekitaran. InsyaaAllah, pada 29 Julai, 1 Ogos dan 4 Ogos 2026, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat bercemar duli bersama rakyat baginda di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong. Sama-samalah kita menjaga adab dan tatasusila Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini masanya untuk kita menjadi contoh terbaik sebagai warga brunei yang sentiasa mempertahankan budaya dan sikap berawar *galat*. Cerminan hari ini adalah untuk masa hadapan. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan berangkat ke Majlis Santap bersama pesara ABDB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda di Royal Berkshire, Tarindak d'Polo. Juga berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas

JERUDONG, Isnin, 27 Julai. – Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) tetap terus berusaha menggariskan komitmennya yang berterusan sebagai tonggak pertahanan dan

keselamatan negara dengan memastikan persekitaran yang aman dan damai melalui pertahanan secara holistik serta sekuriti yang jitu. Dengan merafakkan ikrar taat

setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berlangsung Majlis Santap

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 bersama pesara ABDB.

Majlis berlangsung di Royal Berkshire, Tarindak d'Polo, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke majlis berkenaan. Juga berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung ke Royal Lounge bagi menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan (atas).



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar kanan, majlis diisi dengan persembahan muzik.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan dijunjung bergambar ramai.

>> Muka 3

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong;

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis.

Sejurus tiba, Kebawah DYMM dan kerabat diraja dijunjung untuk bergambar ramai bersama ahli jawatankuasa majlis, kemudian berangkat masuk ke Dewan Royal Berkshire bagi Majlis Memotong Kek Hari Keputeraan baginda dan seterusnya berkenan menerima Pesambah Khas.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Kolonel (B) Mohammad Shafiee bin Haji Duraman.

Dalam sembah alu-aluan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit menyebarkan bahawa majlis berkenaan adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah

Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan kurnia-Nya yang berterusan ke atas Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan berkat kepimpinan bijaksana, berdaulat dan penuh hikmah baginda selaku raja dan Ulil Amri payung negara.

Ia juga sembah Yang Amat Mulia lagi, bagi menzahirkan rasa penuh kegembiraan dan merafakkan sembah setinggi-tinggi tahniah dan curahan kasih sayang daripada para pesara dan sebagai lambang ikrar taat setia yang berterusan dan tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kepimpinan dan keprihatinan baginda yang tulus.

Mencapai usia 80 tahun sembah YAM lagi, merupakan satu mercu tanda yang sangat signifikan dalam kehidupan insan sama ada daripada perspektif agama mahupun kehidupan biasa.

"Abis patik sangat-sangat bersyukur kerana berkesempatan dapat meraikan mercu tanda yang

bersejarah ini bersama-sama dengan Kebawah Duli Tuan Patik dalam suasana yang aman dan berbahagia. Apatah lagi, sebilangan dari *abis* patik sendiri pun sudah mencapai atau melimpasi usia tersebut," sembah YAM lagi.

YAM dalam sembah juga turut mendoakan semoga Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta seluruh kerabat diraja akan sentiasa dikurniakan rahmat, nikmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan akhirat serta semoga Kebawah DYMM kekal karar memerintah NBD dengan petunjuk dan ihsan-Nya.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan nyanyian Lagu Khas berjudul 'Doa Untuk Raja' ciptaan Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah dan dinyanyikan oleh beberapa pesara ABDB.

Sejurus selesai Majlis Santap dan sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dijunjung ke Royal Lounge bagi menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan seterusnya berkenan bergambar ramai bersama para pesara ABDB yang berusia 80 tahun ke atas; dan bersama mantan-mantan ADC di Grandstand Pavilion.

Majlis Santap berkenaan antara lain bertujuan untuk menzahirkan rasa syukur dan penghargaan atas keprihatinan serta pemeduliaan baginda terhadap kebajikan para pesara ABDB, di samping untuk terus mengukuhkan semangat kesatuan dan perpaduan dalam kalangan pesara ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima Pesambah Khas (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah. Sementara gambar bawah sekali, sebahagian daripada tetamu yang hadir pada majlis berkenaan.



KEBAWAH DYMM dan kerabat diraja berkenan dijunjung bergambar ramai.

MEMPERKENALKAN HASIL KREATIVITI TEMPATAN KEPADA KHALAYAK ANTARABANGSA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan dijunjung bergambar ramai pada majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Pameran Seni 'The Impressionist Landscape'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Pameran Seni 'The Impressionist Landscape' di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; dan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Pameran berkenaan menampilkan 18 seni lukisan oleh pelukis terkenal abad ke-19 yang antara lain termasuk Claude Monet, Paul Signac, Eugene Boudin dan Paul Cezanne. Selaras dengan tema 'The Impressionist Landscape', lukisan-lukisan berkenaan secara kolektif mempamerkan keindahan alam, teknik lukisan dan suasana landskap daripada lensa para pelukis abad berkenaan.

Majlis dimulakan dengan pengurniaan sabda Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa buat kali kedua dalam tempoh hanya beberapa tahun, Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan satu pencapaian budaya yang signifikan yang bertaraf antarabangsa, sekali gus menyerlahkan kedudukan negara sebagai sebuah destinasi yang menghargai dan meraikan karya seni bertaraf dunia.

DYTM seterusnya bersabda bahawa dalam era digital masa kini, usaha meraikan lukisan tradisional tidak mengurangkan nilai bentuk kreativiti yang lebih moden. Sebaliknya, kedua-duanya saling melengkapi, sebagaimana dipamerkan menerusi galeri *immersive* dalam pameran tersebut.

Sebagaimana 'The Impressionist' telah mencabar kelaziman serta memperkenalkan pendekatan dan teknik baharu sabda DYTM lagi, para seniman masa kini turut meneruskan tradisi tersebut. Meskipun alat dan medium berkarya telah berubah, semangat untuk terus berinovasi tidak pernah luntur.

Selain itu, DYTM bersabda turut menzahirkan perkembangan yang memberangsangkan dalam komuniti kreatif NBD yang dapat dilihat melalui penyertaan para Storytellers Brunei dalam pameran berkenaan.

DYTM seterusnya bersabda bahawa pendedahan karya-karya berkenaan kepada khalayak yang lebih luas akan memberikan manfaat yang berkekalan, bukan sahaja dengan memperkenalkan hasil kreativiti tempatan kepada khalayak antarabangsa, malah menjadi sumber inspirasi kepada para seniman tempatan serta menyediakan platform yang bermakna kepada generasi baharu bakat kreatif NBD untuk memulakan perjalanan mereka dalam bidang seni.

Menjelang Tahun Melawat Brunei 2027, DYTM selanjutnya bersabda bahawa pameran seperti berkenaan akan menggalakkan para pengunjung untuk bukan sahaja menikmati keindahan alam semula jadi dan layanan mesra rakyat NBD, malah turut menghayati kekayaan warisan budaya serta landskap kreatif negara.

Mengakhiri sabda, DYTM turut menekankan bahawa

kepentingan budaya sebagai medium untuk mengukuhkan hubungan, dengan merujuk, "Culture is one of the ways nations strengthen friendships, foster understanding, and share their stories with one another".

Bersempena dengan pelancaran pameran berkenaan, sebuah Pameran Digital Immersive Experience yang pertama di NBD juga diperkenalkan dan ia diinspirasi oleh karya-karya lukisan Impressionist Landscape yang dianimasikan oleh studio animasi anak tempatan, Runa Studios.

Pameran Digital berkenaan menghidupkan karya-karya seni yang dipamerkan, membolehkan para pengunjung menikmati keindahan landskap *impressionist* melalui gabungan warna, cahaya dan pergerakan yang menawarkan perspektif baharu.

Turut hadir pada majlis

berkenaan, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; dan Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani berserta jemputan-jemputan khas.

Pameran 'The Impressionist Landscape' akan dibuka kepada orang ramai bermula 28 Julai 2026 sehingga 31 Julai 2027 bertempat di Ruang Galeri 1 dan 2, BKISHHB. Untuk maklumat lanjut mengenai pameran berkenaan, orang ramai bolehlah melayari media sosial rasmi @impressionistlandscape.



SEKITAR keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dan YAM Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah pada majlis berkenaan (atas, bawah dan bawah kiri).



RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS RAMAH MESRA DAERAH BELAIT



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

KUALA BELAIT, Isnin, 27 Julai. - Daerah Belait akan menjadi daerah ketiga bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran majlis dan sebagai persiapan bagi

menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemer duli pada majlis berkenaan nanti, satu acara raptai penuh diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait, hari ini.

Berangkat bagi menyaksikan raptai penuh ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar,

YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar berangkat bagi menyaksikan raptai penuh. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri-menteri kabinet.

selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Juga hadir menyaksikan raptai penuh berkenaan, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80 bagi Tahun 2026.

Turut hadir ialah Pemangku Grand Chamberlain, Pejabat Kebawah DYMM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026.

Raptai turut dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri (KHEDN), Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Pemangku Pegawai Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026 akan diadakan pada Sabtu, 17 Safar 1448 Hijrah bersamaan 1 Ogos 2026 Masihi bertempat di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait.



ANTARA yang terlibat pada raptai penuh berkenaan.

YSHHB hulur sumbangan BND113,150

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Julai. - Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah sebagai wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat baginda, sebagai tanda pemedulian dan kasih sayang baginda terhadap rakyat serta ke arah pembentukan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Seiring dengan pendekatan senegara yang mantap Whole of Nation Approach, YSHHB turut

bekerjasama dengan beberapa agensi berkepentingan bagi mempertingkatkan syiar Islam di negara ini.

Melalui program memakmurkan masjid, YSHHB, petang tadi telah menyampaikan sumbangan kepada beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

YSHHB menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND113,150 berbilang di Dewan Serbaguna Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan.

YSHHB memberikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND85,300 kepada beberapa masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara khusus bagi mengadakan majlis atau

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam) menyerahkan sumbangan kepada masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait.

aktiviti sempena Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Sebanyak 83 buah masjid, surau dan balai ibadat menerima sumbangan kewangan tersebut iaitu 37 buah di Daerah Brunei dan Muara; sembilan buah di Daerah Belait; 24 buah di Daerah Tutong dan 13 buah di Daerah Temburong. Sumbangan-sumbangan tersebut diterima oleh imam-imam masjid, surau dan balai ibadat berkenaan.

Sumbangan kepada masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

YANG Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) menyerahkan sumbangan kepada masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Tutong dan Temburong.



Manakala masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Tutong dan Daerah Temburong disampaikan oleh Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Selaras dengan dasar penubuhannya, YSHHB terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang sangat memerlukan.

YSHHB jua turut menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND27,850 kepada enam buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah dan sebuah keluarga yang terlibat dalam kejadian angin kencang di beberapa buah kampung di seluruh negara.

Sumbangan ini dihasratkan dapat meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat

dalam meneruskan kehidupan seharian.

Mereka yang terlibat ialah Awang Haji Gimbol bin Haji Tarip, Kampung Lumapas; Awang Halawi bin Tamin, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Rimba; Awang Chong Koh Fatt, Jalan Semaun, Seria dan Dayang Saadiah binti Samat, Kampung Kupang; Dayang Luluk binti Udan, Kampung Lagau; Dayang Chia Wen Mei, Jalan Semaun, Seria dan Dayang Chong Yun Fong, Jalan Semaun, Seria.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang).

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imthihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.



KEMENTERIAN PERTAHANAN TERIMA KUNJUNGAN RASMI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KEMENTERIAN Pertahanan semasa menerima kunjungan rasmi daripada Menteri Pertahanan Nasional, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun (atas dan kiri).

BOLKIAH GARISON, Selasa, 28 Julai. - Kementerian Pertahanan hari ini menerima kunjungan rasmi daripada Menteri Pertahanan Nasional, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun. Sejurus ketibaan di Kementerian Pertahanan, Tuan Yang Terutama Laksamana Dong Jun telah menerima Tabik Hormat, diikuti dengan pemeriksaan Kawalan

Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB). Seterusnya, Tuan Yang Terutama mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka

Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff. Turut menyertai TYT ialah bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pertahanan Nasional, Republik Rakyat China. Semasa Mesyuarat Dua Hala tersebut, kedua-dua belah pihak

mengesahkan hubungan pertahanan yang erat antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China yang terus diperkukuhkan melalui Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Pertahanan, penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama, Atase Pertahanan yang menetap serta pelbagai inisiatif termasuk lawatan-lawatan kapal tentera laut, kursus dan

lawatan-lawatan kerja. Kedua-dua belah pihak juga aktif berinteraksi melalui platform Mesyuarat Menteri - menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus). Pada masa ini, NBD dan Republik Rakyat China sedang mempengerusikan bersama ADMM-Plus Experts' Working Group on Peacekeeping Operations bagi kitaran 2024-2027.

Memperkukuh peranan masjid sebagai pusat ibadah, ilmu, pembangunan ummah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan perasmian Logo Rasmi Masjid Omar 'Ali Saifuddin serta Mahrajan berkenaan (atas dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Julai. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin (MOAS) pagi tadi mengadakan Majlis Perasmian Logo Rasmi MOAS dan Mahrajan sempena Ulang Tahun Ke-68 MOAS yang diadakan di masjid berkenaan, ibu negara, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian Logo Rasmi MOAS serta Mahrajan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Penganjuran majlis berkenaan bertujuan untuk memperkenalkan Logo Rasmi MOAS sebagai identiti rasmi yang melambangkan sejarah, aspirasi serta peranan masjid sebagai pusat ibadah, dakwah dan warisan Islam. Di samping itu, program berkenaan bertujuan untuk mengimarahkan masjid,

baharu," ujarnya lagi. Awang Zulkifli seterusnya berkata, ia melambangkan iltizam pihak pengurusan masjid untuk terus relevan, dinamik dan proaktif dalam menyebarkan dakwah serta menyatukan komuniti, selaras dengan peredaran zaman tanpa mengetepikan nilai-nilai warisan sejarahnya yang amat bernilai. Sepanjang Mahrajan berlangsung, pelbagai aktiviti menarik dan bermanfaat diadakan, antaranya lawatan berpandu sekitar masjid, galeri sejarah, demonstrasi tulisan Jawi dan seni khat, sudut kanak-kanak, aktiviti memanah, pameran permainan tradisional, kuiz Melayu Islam Beraja (MIB) dan sejarah masjid, jualan buku serta bahan ilmiah Islam, pameran kesihatan, Kempen Derma Darah dan reruai jualan. Program berkenaan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, pelajar institusi pengajian tinggi, jemaah masjid, belia dan beliawanis, kumpulan Muslimah, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pelancong dari dalam dan luar negara serta orang ramai. Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk bersama-sama memeriahkan sambutan berkenaan sebagai tanda penghargaan terhadap warisan MOAS yang menjadi mercu tanda kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Melalui penganjuran berkenaan juga diharapkan dapat memperkukuh lagi peranan masjid sebagai pusat ibadah, ilmu, perpaduan dan pembangunan ummah. Juga hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji

Mohd. Salleh; serta pengarah-pengarah, pegawai dan kakitangan dari KHEU dan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.



TEROKA STRATEGI PELABURAN INOVATIF, MENYOKONG EKOSISTEM KEWANGAN ASEAN



YANG Berhormat Menteri Kewangan II menyampaikan ucapan.

perdagangan dan pelaburan yang semakin berkembang, gangguan teknologi, cabaran alam sekitar serta perubahan keadaan pasaran.

Menurut beliau, faktor-faktor tersebut sedang membentuk semula strategi pelaburan, sistem pencen, rangka kerja kawal selia serta kemampanan kewangan jangka panjang dengan pertumbuhan pesat dan integrasi ASEAN meletakkan rantau ini di tengah-tengah transformasi tersebut.

Forum diteruskan dengan ucapan yang disampaikan oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan II menekankan bahawa ukuran sebenar sektor kewangan bukanlah semata-mata pada kemakmuran yang dicipta pada hari ini, tetapi juga pada kemakmuran yang dapat dipelihara untuk masa hadapan.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa inovasi mencipta peluang, integrasi mewujudkan skala, manakala pertumbuhan membina daya tahan, dan menegaskan bahawa tanggungjawab kita adalah untuk memastikan ketiga-tiga elemen ini dapat terus diperkukuhkan demi generasi akan datang.

Menurut Yang Berhormat lagi, di Negara Brunei Darussalam, pemahaman ini terus membentuk pendekatan negara dalam membangunkan sektor kewangan. Ini termasuk menerima inovasi sambil memperkukuhkan kepercayaan, menggalakkan pertumbuhan sambil memelihara daya tahan serta membangunkan institusi yang mampu terus berkhidmat kepada negara untuk



YANG Berhormat Menteri Kewangan II hadir selaku tetamu kehormat pada 'The 4th ASEAN Forum : The Future of Finance' yang diadakan di The Rizqun International Hotel.

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

jangka panjang, meskipun teknologi pada masa kini terus berkembang dan berubah.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa melalui inisiatif seperti Sustainable Finance Roadmap 2025-2030, FinTech Regulatory Sandbox dan TARUS, Negara Brunei Darussalam kekal komited untuk membangunkan sistem kewangan yang diyakini, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Forum berkenaan turut menampilkan pelbagai pembentangan dan sesi perbincangan panel daripada para profesional dan pakar tempatan serta antarabangsa mengenai pelbagai topik utama, termasuk pengurusan dan penstrukturan portfolio yang berdaya tahan dalam landskap ekonomi global baharu; peningkatan penyatuan antara pasaran swasta dan pasaran awam; pemodenan model operasi daripada sistem yang berpecah kepada pendekatan yang lebih bersepadu; transformasi digital

kewangan Islam di ASEAN; tinjauan makro ekonomi Jepun dan peluang-peluang baharu; prospek ekonomi ASEAN bagi tempoh 2027-2030 serta pemacu utama pertumbuhan; dan hala tuju pasaran modal ASEAN menjelang dekad akan datang.

Antara penceramah yang mengambil bahagian ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Baiduri Bank, Ti Eng Hui; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Affin Bank Berhad, Datuk Wan Razly Abdullah bin Wan Ali; Pengarah Urusan, Head of Funds Selections, Bank of Singapore, Md. Yazid Mahadi; Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Hijra Group, Dima Djani; Pengarah Urusan Kanan, Ketua Pegawai Pelaburan (Active Global Investments), Nomura Asset Management, Yuji Maeda; serta Dr. Tan Chong Koay, Penasihat kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Affin Bank, serta Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Strategis, PHEIM Asset

Management (Asia) Pte. Ltd., bersama beberapa penceramah lain dari dalam dan luar negara.

Forum diakhiri dengan ucapan penutup oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Afero Eswandiyah Mohamad. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa masa depan sektor kewangan tidak boleh dibentuk oleh sesebuah institusi, sesebuah negara atau satu idea sahaja. Sebaliknya, ia ditentukan dengan sejauh mana kita mampu bekerjasama serta bersedia untuk saling belajar antara satu sama lain.

Beliau turut menjelaskan bahawa BILIF sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.

Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran sempena Hafl Al-Takharruj UNISSA



**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

YANG Mulia Pemangku Menteri Pendidikan hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Hafl Al-Takharruj Ke-16 UNISSA.

dan Qira'at, serta diselajurkan dengan bacaan takhtim.

Bacaan Doa Khatam pula diketuai oleh Awang Muhammad Dzulkhairi bin Haji Ibrahim, bakal graduan Sarjana Muda Usuluddin ('Aqidah & Da'wah).

Acara turut diserikan dengan laungan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Kesyukuran UNISSA yang dipimpin oleh Awang Muhd. Nur Nasrullah bin Abdullah Abdul Razak, bakal graduan Sarjana Muda Tahfiz dan Qira'at.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara tradisi tahunan yang diungkayahkan bagi menyemarakkan Sambutan Hafl Al-Takharruj UNISSA.

KIARONG, Selasa, 28 Julai. - Seramai 411 bakal graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) petang tadi diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Hafl Al-Takharruj Ke-16 UNISSA yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil

Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini. Hadir ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan isteri yang juga menyampaikan penyampaian sijil Khatam Al-Quran dan cenderahati kepada para bakal graduan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Muhammad Adi Syazani@ Muhammad Izz Raziq bin Shahri, bakal graduan Sarjana Muda Tahfiz

la antara lain bertujuan untuk membudayakan pembacaan Al-Quran di kalangan para mahasiswa dan mahasiswi selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Di samping bagi menggalakkan penglibatan para mahasiswa dan mahasiswi dalam aktiviti keagamaan agar dijadikan sebagai amalan harian.

Usaha tersebut diharap dapat menyumbang kepada pembentukan generasi berilmu, beriman dan berakhlak mulia, sekali gus mencorak Khayra Ummah yang mampu memberikan sumbangan positif kepada agama, masyarakat dan negara.

Juga hadir, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad; Penolong-penolong Rektor, pegawai-pegawai utama, pegawai dan kakitangan UNISSA, serta ibu bapa / penjaga bakal graduan.

8 PELAJAR UNISSA TAMAT PENEMPATAN KERJA DIRAIKAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Julai. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned berkata, menjadi imam sembahyang bukan suatu pekerjaan yang mudah, justeru, diharapkan akan terus mendalami kaifiat menjadi imam sembahyang, bagaimana cara duduk *iftirash* dan duduk tahiyat akhir, bagaimana duduk imam sesudah salam dan lain-lain yang sangat penting diketahui.

Ujar Yang Berhormat lagi, etika pakaian pelajar-pelajar ketika menjalani kursus latihan industri di jabatan ini adalah sangat sesuai dan sangat bagus dan berharap pelajar-pelajar tersebut akan dapat mempertahankannya sampai di luar jabatan ini.

"Pada masa ini budaya berpakaian Melayu yang cukup sesuai dengan keislaman tidak berapa digemari lagi. Ini dapat dilihat di masjid-masjid ketika menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, tidak sebagaimana pada tahun-tahun 50-an dan 60-an berpakaian baju Melayu itu cukup digemari," tegas Yang Berhormat semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil

Yang Berhormat Mufti Kerajaan bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil dan Cenderahati Tamat Kursus Latihan Industri kepada pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali bagi Sesi Pengajian 2025 / 2026.

dan Cenderahati Tamat Kursus Latihan Industri kepada pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi Sesi Pengajian 2025 / 2026 bertempat di Ruang Legar, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK).

Yang Berhormat seterusnya melahirkan rasa gembira melihat para pelajar UNISSA yang menjalani Kursus Latihan Industri di JMK berani tampil menjadi imam sembahyang dan turut mengalu-alukan pelajar-pelajar ini, selepas penempatan ini, untuk datang membuat rujukan jika ada keperluan.

Seramai lapan mahasiswa dan mahasiswi yang terdiri daripada Fakulti Syariah, iaitu empat mahasiswi daripada Program Bachelor of Syariah (Fiqh &



Judiciary), dua mahasiswa daripada Program Bachelor of Syariah (Fiqh & Usul) dan dua mahasiswa daripada Fakulti Bahasa Arab, Program Bachelor of Arabic Language & Translation telah menyelesaikan penempatan latihan industri selama 10 minggu bermula 18 Mei hingga 27 Julai 2026.

Awang Khairul Hafizhan bin Kamis selaku wakil mahasiswa dalam ucapannya berkata bahawa setiap pengalaman yang dilalui akan pasti meninggalkan hasil dan impak yang berharga

kepada diri seseorang.

Menurutnya lagi, dengan pengalaman mereka menjalani latihan ini di JMK, bukan sahaja memberikan pendedahan kepada suasana kerja sebenar, malah turut memperkukuhkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta keyakinan diri dalam bidang pengajian yang mereka ceburi.

"Latihan industri di JMK telah memberikan pengalaman yang amat bernilai dan sukar diperoleh di bilik kuliah. Kami bukan sahaja didedahkan

kepada aplikasi ilmu fiqh dalam tugasan sebenar, bahkan turut mempelajari nilai-nilai amanah, ketelitian, disiplin, adab penyelidikan serta tanggungjawab dalam menyampaikan hukum syarak kepada masyarakat," ujarinya.

Segala ilmu, pengalaman dan bimbingan yang mereka peroleh di sepanjang berada di JMK, akan menjadi bekalan yang amat bermakna bagi mereka dalam melanjutkan pengajian mereka di UNISSA jelasnya lagi.

MoU perkukuh kerjasama dalam bidang kesihatan, pendidikan perubatan



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Julai. - Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Fakulti Perubatan, Universiti Kagawa, Jepun hari ini mengadakan Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dokumen MoU berkenaan telah ditandatangani terlebih dahulu oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran

Haji Ismail bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Dekan, Fakulti Perubatan, bagi pihak Universiti Kagawa, Jepun, Dr. Akira Nishiyama.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah tetamu kehormat, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kikuta

Yutaka.

MoU ini merupakan satu langkah strategik dalam memperkukuh lagi hubungan institusi dan kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Fakulti Perubatan, Universiti Kagawa dalam bidang kesihatan, pendidikan perubatan, penyelidikan dan pertukaran profesional.

Kerjasama ini juga diharapkan kedua-dua pihak dapat merancang dan melaksanakan program bersama yang saling memberi manfaat, termasuk memperluas peluang pendidikan dan latihan,

Oleh : Noorati Haji Abas

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam hadir dan bergambar ramai pada Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman berkenaan (kiri), manakala gambar atas, sebahagian yang turut hadir pada majlis berkenaan.

memajukan penyelidikan kolaboratif, menggalakkan perkongsian amalan terbaik serta memperkukuh pembangunan kapasiti tenaga kerja kesihatan.

Usaha ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan mutu pendidikan perubatan dan perkhidmatan kesihatan bagi manfaat kedua-dua pihak.

Melalui MoU ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk meneroka dan melaksanakan kerjasama dalam bidang-bidang iaitu Pertukaran ahli fakulti dan penyelidik; Pendidikan prasiswazah dan pascasiswazah; Pendidikan profesional berterusan; Pertukaran pelajar; Latihan klinikal; Kerjasama penyelidikan;

Pertukaran pengetahuan dan kepakaran; dan aktiviti kerjasama lain yang dipersetujui bersama.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah; pengarah-pengarah; pegawai-pegawai kanan dan warga Kementerian Kesihatan dan juga wakil-wakil Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam serta delegasi Universiti Kagawa yang diketuai oleh Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kagawa, Profesor Kenji Wada, bersama pegawai-pegawai kanan dan ahli-ahli fakulti universiti berkenaan.

Hakikat Penyakit 'Ain Dan Cara Menghindarinya

KELUARAN KEDUA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SESUATU yang ditimpa penyakit 'ain itu tidak terbatas kepada manusia sahaja, bahkan merangkumi apa sahaja yang dipandang. Harta sendiri atau anak sendiri yang dipandang dengan perasaan kagum juga boleh ditimpa penyakit 'ain sebagaimana penjelasan dalam kitab Fath al-Mun'im Syarh Shahih Muslim :

Ertinya : Maka ada kalanya manusia itu menimpakan hartanya atau anaknya dengan (pandangan) matanya (sendiri).

Impak penyakit 'ain memang tidak dapat disangkal lagi. Ia sangat cepat kesannya dan kuat mudharatnya sehinggakan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda bahawa jika ada sesuatu yang dapat mendahului qadar, nescaya 'ain akan mendahuluinya sebagaimana hadits daripada Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, Baginda bersabda :

Maksudnya : Dan jika ada sesuatu (yang dapat) mendahului qadar (nescaya) 'ainlah (yang) mendahuluinya.

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut Imam Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah dalam kitabnya Fath al-Bari, hadits ini menyatakan sedemikian bukan bermaksud ada sesuatu yang boleh menolak takdir sebaliknya ia sebagai pernyataan *mubalaghah* (berlebihan bertujuan untuk benar-benar membuktikan sesuatu) dalam menetapkan adanya penyakit 'ain. Menurut beliau lagi, dalam hadits ini turut terdapat penegasan dan peringatan mengenai cepatnya kesan penyakit 'ain. Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab al-Minhaj fi Syarh Shahih Muslim bin al-Hajjaj pula menjelaskan bahawa hadits tersebut menunjukkan akan kuatnya mudharat 'ain di samping menunjukkan kesahihan perkara 'ain tersebut.

Menurut Imam al-Qurthubi Rahimahullah dalam kitab al-Jami' li Ahkam al-Qur'an, 'ain boleh memberi impak kepada manusia dengan melemahkannya dan membuatnya kesusu, bahkan menurut Imam Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah dalam kitabnya Fath al-Bari ia boleh menyebabkan kematian.

Oleh kerana penyakit 'ain ini sangat bahaya, maka bagi melindungi diri daripadanya, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menganjurkan agar sentiasa

mengamalkan *ta'awwudz* (memohon perlindungan) dan *ta'awwudz* yang paling utama itu adalah dengan membaca *al-mu'awwidzatan*, iaitu surah al-Falaq dan surah an-Nas. Dalam hadits daripada Abu Sa'id Radhiallahu 'anh, beliau menceritakan :

Maksudnya : Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam berta'awwudz daripada 'ain jin dan 'ain manusia (iaitu dengan mengucap *أعوذ بالله من الجان وعن الإنسان* yang ertinya "Aku berlindung dengan Allah daripada jin dan 'ain manusia"). Maka ketika turun *al-mu'awwidzatan* (surah al-Falaq dan surah an-Nas) Baginda mengamalkan kedua-duanya (membaca dan selalu berta'awwudz dengan kedua-duanya), dan meninggalkan apa sahaja selain itu.

(Hadits riwayat an-Nasa'i)

Menurut Imam al-Munawi Rahimahullah dalam kitabnya Faidh al-Qadir, maksud "dan meninggalkan apa sahaja selain itu" dalam hadits di atas ialah Baginda meninggalkan ucapan-ucapan perlindungan yang bukan daripada al-Qur'an. Meskipun Baginda meninggalkan ucapan-ucapan perlindungan yang bukan daripada al-Qur'an, namun menurut Imam Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah dalam kitabnya Fath al-Bari, perkara ini bukan menunjukkan tegahan daripada membaca *ta'awwudz* dengan selain daripada dua surah tersebut, lebih-lebih lagi telah sabit bahawa Baginda juga membaca *ta'awwudz* dengan selain keduanya, cuma membaca *ta'awwudz* dengan kedua-dua surah itu lebih utama daripada membaca *ta'awwudz* dengan selain daripada kedua-duanya. Menurut beliau lagi, Baginda berasa cukup *ta'awwudz* hanya dengan kedua-dua surah tersebut kerana kedua-duanya mengandungi *jawami'* *al-kalim*, iaitu lafaz yang sedikit dan mengandungi makna yang banyak, serta kedua-duanya sudah mengandungi perlindungan daripada setiap perkara yang dibenci secara umum mahupun terperinci.

Selain daripada melakukan *ta'awwudz* untuk diri sendiri, disunatkan juga *ta'awwudz* (mendoakan perlindungan Allah) daripada penyakit 'ain untuk orang lain sebagaimana dalam hadits daripada 'Abdullah Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam mendoakan kedua-dua cucu Baginda, iaitu Sayyiduna Hasan dan Sayyiduna Husain Radhiallahu 'anhuma agar mereka selalu dilindungi oleh Allah Ta'ala daripada penyakit 'ain sebagaimana kata beliau :

Maksudnya : Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam pernah *ta'awwudz* (mendoakan perlindungan Allah) kepada Hasan dan Husain (dengan) membaca :

"Aku memohon untuk kamu berdua agar dilindungi (oleh Allah), dengan kalimat-kalimat Allah yang tammah (sempurna) daripada setiap syaitan dan setiap sesuatu yang mempunyai bisa yang membunuh, dan daripada setiap 'ain yang menimpakan keburukan.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Melihat kepada realiti kehidupan pada masa ini yang menyaksikan pelbagai aspek kehidupan, kejayaan, kemewahan dan ni'mat yang diperolehi sering dikongsikan secara meluas melalui media massa dan media sosial, kewajaran mengamalkan *ta'awwudz* menjadi semakin penting, lebih-lebih lagi kepada sebahagian masyarakat yang suka mempamerkannya di alam maya melalui pelbagai platform dalam talian (online) seperti Instagram, Facebook, WhatsApp, TikTok dan seumpamanya dalam bentuk gambar, video, tulisan dan sebagainya.

Walaupun asalnya menzahirkan ni'mat sebagai tanda kesyukuran dibenarkan oleh syara', namun pendedahan yang meluas kepada pandangan ramai boleh membuka ruang kepada hasad dengki dan pandangan kekaguman yang membawa kesan 'ain dengan izin Allah Ta'ala. Oleh itu, setiap orang Islam sewajarnya sentiasa mengamalkan membaca *ta'awwudz* terutama *al-mu'awwidzatan*. Amalan ini sebaiknya dijadikan rutin harian dibaca pada waktu pagi, petang dan sebelum tidur sebagai usaha membenteng diri daripada ditimpa penyakit 'ain. Hal ini penting kerana kagum orang lain terhadap diri seorang individu adalah di luar batas kawalan individu tersebut. Dengan sentiasa membaca *ta'awwudz*, serta diiringi dengan tawakal kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, ia secara tidak langsung melahirkan ketenangan jiwa serta menjauhkan seseorang daripada perasaan bimbang yang berlebihan terhadap ancaman penyakit 'ain ini.

Selain itu, untuk mengelakkan diri sendiri, orang lain atau sesuatu daripada ditimpa penyakit 'ain sebaiknya seseorang itu segera mendoakan dengan keberkatan apabila berasa kagum pada diri sendiri, orang lain atau sesuatu sebagaimana hadits daripada Amir bin Rabi'ah Radhiallahu 'anh, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Apabila seorang (daripada) kamu melihat pada dirinya sendiri atau hartanya atau saudaranya apa yang membuatnya kagum, maka hendaklah dia mendoakan keberkatan.

(Hadits riwayat an-Nasa'i)

Imam al-Aini Rahimahullah dalam kitab 'Umdah al-Qari Syarh Shahih al-Bukhari



IRSYAD HUKUM

جَانِبَاتُ مَفَاتِيحِ كَلْبَانِ
جَانِبَاتُ مَفَاتِيحِ كَلْبَانِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

menjelaskan bahawa dalam perkataan hadits "maka hendaklah dia mendoakan keberkatan" di atas terdapat dalil bahawa 'ain itu tidak memudharatkan jika orang yang melihat dengan kekaguman itu mendoakan keberkatan. Beliau memberi contoh lafaz mendoakan keberkatan itu seperti berikut :

Ertinya : Maha Suci Allah Sebaik-baik Pencipta. Ya Allah! Berkatilah padanya.

Menurut kata sebahagian salaf Rahimahumullah pula yang dinukil oleh Imam Ibn Katsir Rahimahullah dalam tafsirnya, hendaklah mengucap *مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ* ketika berasa kagum akan keadaan diri sendiri, harta, atau anak. Perkara ini adalah berdasarkan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Kahf, ayat 39 sebagaimana kata sebahagian salaf :

Ertinya : Sesiapa yang berasa kagum oleh sesuatu daripada keadaan dirinya, hartanya atau anaknya, maka hendaklah dia berkata : "Semuanya ini adalah kehendak Allah, tidak ada kekuatan melainkan dengan (pertolongan) Allah" dan ini diambil daripada ayat yang mulia ini (surah al-Kahf, ayat 39).

Imam Ibn 'Allan Rahimahullah dalam kitabnya al-Futuhat ar-Rabbaniyyah 'ala al-Adzkar an-Nawawiyyah pula berkata bahawa ucapan *مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ* ini digabung dengan membaca doa keberkatan tersebut di atas, iaitu *اللَّهُمَّ بَارِكْ فِيهِ* sebagaimana kata Imam as-Suyuthi Rahimahullah.

Demikian penjelasan mengenai hakikat penyakit 'ain dan cara menghindarinya.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

DALAM mencari ketenangan hidup, manusia sering mencari kebahagiaan di dunia, sedangkan hati yang benar-benar tenang hanya akan diperoleh apabila kita mendekatkan diri kepada Allah. Dengan amalan-amalan yang mudah tetapi istiqamah, jiwa akan menjadi lebih damai, hati lebih kuat, dan hidup lebih diberkati.

Salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah adalah dengan memperbanyakkan zikir kepadanya. Zikir merupakan amalan yang ringan di bibir tetapi sangat besar manfaatnya kepada hati dan jiwa. Dengan sentiasa mengingat Allah hati akan menjadi lebih tenang, tenteram dan jauh daripada perasaan gelisah. Zikir harian yang pendek adalah seperti : *Subhanallah, Alhamdulillah, Allahu Akbar* dan *Astaghfirullah*.

Zikir-zikir tersebut boleh diamalkan pada bila-bila masa, sama ada ketika belajar, berjalan, bekerja atau sebelum tidur. Walaupun ringkas, amalan ini mampu mendekatkan diri kepada Allah kerana hati sentiasa terhubung dan mengingat-Nya. Apabila zikir diamalkan secara istiqamah, ia juga dapat meningkatkan keimanan serta

memberi ketenangan dalam hidup serta menjadikan seseorang lebih bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam kitab suci Al-Quran :

"Ketahuilah dengan zikrullah itu hati akan menjadi tenteram".

Terjemahan makna ayat 28 : Surah Ar Raad

Selain berzikir, kita juga dapat mendekatkan diri kepada Allah dengan berdoa dan memohon kepada-Nya agar diberikan ketenangan hati serta kekuatan dalam menghadapi kehidupan. Doa merupakan tanda bahawa seorang hamba itu sentiasa bergantung dan berharap hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Seperti yang diajarkan dalam Al-Quran untuk sentiasa berdoa dalam setiap keadaan, sama ada ketika senang mahupun susah. Antara doa ringkas yang boleh diamalkan ialah *رب يسر ولا تعسر يا كريم* yang bermaksud "Ya Tuhanku, permudahkanlah urusanku dan jangan engkau menyulitkannya". Dengan berdoa secara ikhlas dan penuh keyakinan, hati akan menjadi lebih tenang kerana kita percaya bahawa Allah sentiasa mendengar dan membantu hamba-Nya yang memohon kepada-Nya. Sepertimana firman-Nya :

"Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar".

Terjemahan makna ayat 45 : Surah Al-Ankabuut

Selain daripada berzikir dan berdoa kepada-Nya, seorang hamba juga boleh mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan amalan harian yang sederhana tetapi dilakukan secara istiqamah. Antaranya ialah menunaikan sembahyang fardu lima waktu tepat pada waktunya kerana sembahyang merupakan tiang agama dan penghubung antara hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, membaca Al-Quran secara rutin walaupun hanya beberapa ayat setiap hari juga dapat menenangkan hati dan menambahkan keberkatan dalam hidup.

"Oleh itu bacalah apa yang mudah daripada Al-Quran".

Terjemahan makna ayat 20 : Surah Al-Muzzammil

Amalan berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta memperbanyakkan istighfar turut membantu membersihkan hati daripada dosa dan mendekatkan diri kepada rahmat Allah.

"Sesungguhnya Allah dan para

Malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya".

Terjemahan makna ayat 56 : Surah Al Ahzab

"Maka aku berkata kepada mereka : Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia Maha Pengampun".

Terjemahan makna ayat 10 : Surah Nuh

Selain itu, melakukan kebaikan kecil secara diam-diam seperti membantu orang lain, bersedekah atau memudahkan urusan seseorang tanpa mengharap pujian juga merupakan amalan yang sangat dicintai Allah. Seorang Muslim juga perlu berusaha menjauhkan diri daripada perkara yang melalaikan dan tidak bermanfaat agar hati sentiasa terjaga dan lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan amalan-amalan kecil yang dilakukan secara berterusan, seseorang akan memperolehi ketenangan jiwa serta kehidupan yang lebih diberkati.

"Dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia".

Terjemahan makna ayat 3 : Surah Al-Mu'minuun.

Tenang dalam hidup : Mendekati Allah, menemui ketenangan

DANA TERIMA SUMBANGAN BERJUMLAH BND3,000



SUMBANGAN tersebut disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Julai. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) menerima sumbangan berjumlah BND3,000 daripada Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini. Sumbangan tersebut disampaikan oleh Duta Besar

Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon pada majlis yang berlangsung di Galeri Lauhah Al-Islamiah, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jalan Jerambak, di sini.

Sumbangan tersebut diterima oleh Pegawai YSHHB, Awang Samsudin bin Haji Puasa, mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA bagi pihak DANA. DANA amat menghargai sokongan dan sumbangan daripada para dermawan dalam sama-sama membantu DANA mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di NBD. YSHHB merupakan sekretariat kepada DANA.

YEAB memperluaskan penglibatan di peringkat antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei

QINGHAI PROVINCE, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Isnin, 27 Julai. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) telah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Festival Pertukaran Pemimpin Muda ASEAN-China Ke-12 2026 bermula 21 hingga 25 Julai 2026 sekali gus menegaskan komitmennya dalam memperkukuh kerjasama serantau, memperkasa pemimpin muda serta memupuk kolaborasi dalam bidang kelestarian dan inovasi. Delegasi NBD, yang dijemput melalui Persatuan Persahabatan Brunei-China (BCFA), terdiri daripada James Goh, Izdihar Sulaiman dan Ahmad Fauzi yang mewakili YEAB, bersama ahli akademik NBD, Chang Ming Hui dan Dr. Nurul Amalina Suprem. Festival ini dianjurkan oleh China People's Association for Friendship with Foreign Countries (CPAFFC) dan menghimpunkan pemimpin muda dari Negara-negara ASEAN

dan Republik Rakyat China untuk bertukar idea, mengukuhkan hubungan rentas budaya serta meneroka peluang kerjasama pada masa hadapan. Sepanjang program tersebut, para delegasi turut berpeluang mengadakan pertemuan dengan Presiden CPAFFC serta Gabenor dan Timbalan Gabenor Wilayah Qinghai, di mana perbincangan tertumpu kepada pembangunan hijau dan kerjasama ASEAN-China. Antara kemuncak program ialah lawatan ke loji tenaga fotovolt solar terbesar di dunia, yang memberikan peluang kepada para delegasi untuk melihat sendiri bagaimana tenaga boleh diperbaharui berskala besar memacu peralihan Republik Rakyat China ke arah ekonomi rendah karbon. Delegasi juga berpeluang melawat Pusat Penghantaran dan Kawalan Grid Pintar milik State

Grid Corporation, sekali gus memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana teknologi digital termaju dan Kecerdasan Buatan (AI) menyokong salah satu rangkaian tenaga boleh diperbaharui paling canggih di dunia. Program diakhiri dengan lawatan ke beberapa mercu tanda semula jadi dan kebudayaan di Qinghai, termasuk Tasik Qinghai dan Taman Geopark Global UNESCO Kanbula, yang memberi peluang kepada para delegasi untuk lebih menghargai kepentingan alam sekitar serta warisan budaya yang kaya di wilayah tersebut. Pengalaman ini memberikan YEAB pendedahan berharga mengenai tenaga boleh diperbaharui, inovasi digital dan kerjasama serantau, di samping mengukuhkan jaringan dengan rakan-rakan pemimpin muda dari seluruh ASEAN dan Republik Rakyat China. Seiring dengan usaha YEAB memperluaskan penglibatan di peringkat antarabangsa, program pertukaran seperti ini mengukuhkan komitmennya untuk membawa perspektif global ke tanah air serta menyokong pembangunan ekonomi mampan NBD. Untuk maklumat lanjut mengenai YEAB, layari yeabrunei.com atau ikuti @yeabrunei di Instagram dan Facebook.



PERSATUAN Usahawan Muda Brunei (YEAB) mewakili Negara Brunei Darussalam pada Festival Pertukaran Pemimpin Muda ASEAN-China Ke-12 2026, bermula 21 hingga 25 Julai 2026.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN
Fikir sebelum beli

"Boleh percaya kan tu?"
"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"
"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"
"Iawah? Banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Great British Circus bakal berlangsung bermula 31 Julai



PENYERAHAN sijil penghargaan turut diadakan semasa Sidang Media yang diadakan di Wonder Park Mini Amphitheatre, Jerudong Park Playground.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Isnin, 27 Julai. - Great British Circus bakal membuat penampilan sulungnya di Negara Brunei Darussalam (NBD) menerusi Persembahan 'The Legend of the Sea' yang akan berlangsung di Pusing Lagi Car Park, Jerudong Park, bermula 31 Julai hingga 23 Ogos 2026.

Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. (JPCC) merupakan rakan lokasi rasmi bagi Great British Circus di NBD. Perkara demikian diumumkan secara rasmi dalam satu Sidang Media yang berlangsung di Wonder Park Mini Amphitheatre, Jerudong Park Playground, di sini.

Semasa Sidang Media tersebut, Pengurus Am Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. (JPCC), Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, JPCC berbesar hati menjadi rakan lokasi rasmi bagi acara yang menarik ini dan mengalu-alukan kehadiran Big Kid Entertainment ke Jerudong Park.

"Di Jerudong Park, kami percaya setiap kunjungan mampu mewujudkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan yang dapat menyatukan keluarga dan masyarakat. Kami mengalu-alukan semua pengunjung untuk menikmati pengalaman sarkas secara langsung yang penuh menyeronokkan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah dan Pengurus Am Big Kid Entertainment (M) Sdn. Bhd., Omar Avila turut mengongsikan maklumat mengenai Great British Circus serta produksi pertunjukannya. Menurutnya, 'The Legend of the Sea' ialah sebuah Persembahan Sarkas Akuatik secara langsung berdurasi dua jam yang memukau dan sesuai untuk seisi keluarga.

Menampilkan pentas sarkas air berteknologi moden serta barisan penghibur antarabangsa katanya lagi, persembahan ini menggabungkan aksi sarkas yang menakjubkan, kesan akuatik yang mempesona dan hiburan mesra keluarga yang diinspirasikan oleh keajaiban dunia laut.

Great British Circus merupakan cabang antarabangsa kumpulan jenama sarkas Big Kid Entertainment dan beroperasi di bawah Big Kid Entertainment (M) Sdn. Bhd.

Sebagai jenama di bawah kumpulan yang sama dengan Big Kid Circus di United Kingdom, Great British Circus telah mementaskan persembahan di Thailand, Republik Indonesia, Republik Sosialis Viet Nam dan Malaysia.

Pembelian tiket dapat diperoleh secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi Great British Circus. Pembelian tiket secara terus (walk-in) juga akan disediakan, di mana lokasi serta waktu operasi akan diumumkan melalui saluran rasmi Great British Circus.

Bagi pembelian tiket secara dalam talian, jadual persembahan dan maklumat lanjut boleh didapati di www.greatbritishcircus.com. Pembelian secara terus adalah tertakluk kepada ketersediaan tiket.

LAWATAN MEMPERKUKUH PERSEFAHAMAN, BERTUKAR PENGETAHUAN, PENGALAMAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Julai. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat menerima lawatan daripada delegasi Program Futuru Lider Ba ASEAN (FLBA) Cohort 3 dari Republik Demokratik Timor-Leste yang terdiri daripada 11 peserta, hari ini.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara

Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Abel Guterres bersama pegawai-pegawai kedutaan.

Lawatan tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai peranan dan fungsi Majlis Mesyuarat Negara (MMN), proses persidangan serta penglibatan MMN dalam kerjasama dan diplomasi parlimen di peringkat serantau dan

antarabangsa.

Program turut memberi peluang kepada para peserta untuk bertukar-tukar pandangan mengenai amalan parlimen serta sistem perundangan di NBD.


Sebagai sebahagian daripada program, para peserta turut mengadakan Sesi Dialog bersama Ahli-ahli MMN iaitu Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, yang memfokuskan kepada kepimpinan wanita dan pembangunan inklusif di NBD, bagi pertukaran pandangan dan perkongsian pengalaman.

Lawatan tersebut mencerminkan kepentingan kerjasama antara institusi parlimen dalam memperkukuh persefahaman, bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dalam menyokong pembangunan institusi perundangan di rantau ASEAN.

DELEGASI Program FLBA Cohort 3 dari Republik Demokratik Timor-Leste bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.



JABATAN Majlis-Majlis Mesyuarat menerima lawatan daripada delegasi Program Futuru Lider Ba ASEAN (FLBA) Cohort 3 dari Republik Demokratik Timor-Leste (atas dan bawah).



MINDA PEMBACA

Persekitaran sihat, selamat pengaruhi kehidupan masyarakat

PERSEKITARAN yang sihat dan selamat merujuk kepada kawasan bebas daripada ancaman yang boleh menggugat kualiti kehidupan masyarakat. Kepentingan mewujudkan persekitaran sedemikian adalah selari dengan konsep Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan lima perkara utama iaitu nyawa, akal, agama, keturunan dan harta.

Pertama, persekitaran yang sihat menjamin kesihatan fizikal masyarakat. Kawasan tempat tinggal yang bersih, pembuangan sampah secara bertanggungjawab, sistem saliran yang tidak tersumbat serta udara yang bebas daripada pembakaran terbuka dapat

mengurangkan risiko penularan penyakit yang mengancam nyawa. Selain itu, persekitaran yang sihat turut menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup aktif.

Kedua, persekitaran yang sihat membantu menjaga kesihatan mental masyarakat. Persekitaran yang mempunyai hubungan kejiranan yang baik tanpa perasaan hasad dengki dan permusuhan mampu mewujudkan suasana harmoni dan bebas tekanan. Keadaan ini juga mendorong masyarakat untuk bersikap ringan tulang sekiranya diperlukan.

Ketiga, persekitaran yang selamat turut menyumbang kepada pemeliharaan agama. Ketiadaan anasir luar memberi ruang kepada

masyarakat untuk mempertingkatkan amalan ibadah dengan lebih khusyuk dan sempurna.

Keempat, persekitaran yang kondusif membolehkan proses pembelajaran berjalan dengan baik dan membantu melahirkan generasi penerus yang berilmu serta mempunyai masa depan yang cerah.

Dan terakhir, persekitaran yang selamat membantu mengekalkan kestabilan ekonomi masyarakat. Melalui langkah keselamatan seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan kerjasama dengan pihak berkuasa, risiko jenayah dapat dikawal manakala kerugian akibat kerosakan harta benda dapat diminimumkan.

Kesimpulannya, persekitaran yang

sihat dan selamat mempunyai pengaruh besar dalam mencorak kualiti kehidupan masyarakat. Oleh itu, semua pihak perlu bertanggungjawab dalam memastikan kebersihan dan keselamatan persekitaran sentiasa terpelihara demi kesejahteraan bersama.

Nama : Ahmad Danial bin Jaafar
No. K/P : 01-130XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Transformasi Digital dalam Kehidupan Harian'. Tarikh Tutup : 29 Julai 2026
2. 'Bersatu Memelihara Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2026
3. 'Ekopelancongan: Memelihara Alam, Menjana Ekonomi'. Tarikh Tutup : 12 Ogos 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Memperkukuh literasi keselamatan siber dalam kalangan pegawai, kakitangan kerajaan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Julai. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah dijemput untuk menyampaikan taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' bagi meningkatkan kesedaran mengenai ancaman penipuan digital dan memperkukuh literasi keselamatan siber dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Jurukira Agung, Pengiran Hajah Normaswati binti Pengiran Anak Haji Mashor.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Jurukira Agung, Dayang Hajah Salawati binti Haji Puasa, bersama pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kewangan serta

jabatan-jabatan di bawahnya.

Peserta didedahkan mengenai taktik yang sering digunakan oleh sindiket penipuan dalam talian, termasuk manipulasi psikologi dan rekayasa sosial (*social engineering*) bagi menimbulkan rasa panik dalam kalangan mangsa, serta penyamaran identiti melalui akaun palsu yang menyerupai agensi kerajaan atau individu yang dikenali.

Langkah pencegahan turut dikongsikan, termasuk mengamalkan Dasar Sifar Urus Niaga Kewangan, iaitu tidak melakukan transaksi atau berkongsi maklumat perbankan seperti kod One Time Password (OTP) melalui media sosial atau panggilan yang meragukan.

Orang ramai diingatkan bahawa Pusat Anti-Penipuan tidak mengendalikan urusan rasmi atau mempunyai akaun di mana-mana

SEKITAR taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' bagi meningkatkan kesedaran mengenai ancaman penipuan digital dan memperkukuh literasi keselamatan siber dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan (atas kiri, atas dan bawah).

platform media sosial.

Orang ramai disarankan mengamalkan prinsip 'Skeptikal Secara Sihat' (*Healthy Skepticism*) dengan sentiasa berwaspada terhadap panggilan atau mesej yang mencurigakan, tidak mengikut arahan pihak yang tidak dikenali, serta membuat pengesahan melalui saluran rasmi.

Sebarang kejadian penipuan boleh dilaporkan kepada Talian Bantu Anti-Penipuan 16993.

Menerusi taklimat berkenaan, kesedaran masyarakat terhadap ancaman penipuan dalam talian diharap terus dipertingkatkan bagi melindungi aset kewangan dan maklumat peribadi daripada menjadi mangsa jenayah siber.



MENINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI PERLINDUNGAN WANITA, KANAK-KANAK



KETUA Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, DSP Dayangku Norazriani binti Pengiran Haji Anuar dijemput sebagai Ahli Panel Forum Hari Wanita Antarabangsa (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Julai. - Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak (USJPWKK), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) terus giat memperkukuhkan usaha meningkatkan kesedaran orang ramai melalui penglibatan dalam beberapa forum berkaitan perlindungan wanita dan kanak-kanak serta kesejahteraan masyarakat.

Ketua USJPWKK, JSJ, PPDB, DSP Dayangku Norazriani binti

Pengiran Haji Anuar dijemput sebagai Ahli Panel Forum Hari Wanita Antarabangsa anjuran Brunei Fertilizer Industries (BFI) bertajuk 'The Narrative We Must Break: Addressing Domestic Violence Against Women in Brunei' pada 23 Julai lalu.

Forum ini membincangkan usaha menangani keganasan rumah tangga terhadap wanita, memperkukuhkan sistem sokongan mangsa, serta prosedur penerimaan laporan dan penyiasatan kes berkaitan.

PPDB turut menekankan

kepentingan pendekatan berpusatkan-mangsa (*victim-centric*) dan kerjasama pelbagai agensi serta peranan keluarga, jiran, majikan dan masyarakat dalam mengenal pasti petanda awal penderaan dan menggalakkan mangsa mendapatkan bantuan.

Pada 25 Julai, DSP Dayangku Norazriani sekali lagi dijemput sebagai Ahli Panel Forum 'Buli dalam Perspektif Perundangan : Tanggungjawab Sosial dan Implikasi Undang-undang' di Sekolah Menengah Masin.



Perbincangan merangkumi ciri-ciri buli termasuk buli siber, implikasi undang-undang terhadap pelaku, prosedur pengurusan laporan yang sistematik serta kepentingan kerjasama antara sekolah, ibu bapa, agensi penguat kuasa dan masyarakat. Ditegaskan bahawa buli bukan sekadar isu disiplin sekolah, malah dalam keadaan tertentu boleh menjadi kesalahan jenayah.

Beliau menyeru semua pihak memainkan peranan dalam mewujudkan persekitaran yang

selamat serta menggalakkan mangsa dan saksi tampil membuat laporan tanpa rasa takut.

Penglibatan PPDB dalam kedua-dua forum ini mencerminkan komitmen berterusan pasukan dalam memperkukuh kerjasama dengan agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan dan masyarakat bagi meningkatkan kesedaran mengenai perlindungan wanita dan kanak-kanak serta mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan sejahtera untuk semua.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 035/ 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Nickel
Cadmium Battery And Battery
Charger

Tarikh Tutup:
Selasa, 18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

Saman No. :
BM / MRS / MAL-A / P012A /
0484 / 07-2026

Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / S024A /
0911 / 12-2025

Antara

**Afizan Bin Safrudin
- Plaintiff / Pemohon**

Dan

**Hajah Norashidah @
Suriana Binti Ismail
- Defendan / Responden**

Kepada :
Hajah Norashidah @ Suriana
Binti Ismail -
No. Kad Pintar : 00-285127
[Kuning], Beralamat
(Alamat Terakhir) : No. 15,
Simpang 240-63, Kampong
Kapok, Jalan Meragang,
Negara Brunei Darussalam.

Kamu adalah dengan ini di saman
supaya hadir secara sendiri atau

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 029 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of
Distribution Transformer

Harga Dokumen:
BND2,000.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 030 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Low
Voltage Aerial Bundle Conductor

Harga Dokumen:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Ditutup:
Selasa, 4 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan **Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan
Muara pada Khamis,
22 Safar 1448H bersamaan /
6 Ogos 2026M** pada
jam 3.00 Petang untuk
menjawab tuntutan terhadap
kamu oleh plaintiff yang
dinamakan di atas, bagi
Mengubah / Membatalkan
Perintah Nafkah.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian
bahawa jika kamu ingin
membela diri terhadap tuntutan
tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut
di atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh :
07 Safar 1447H / 22 Julai 2026M

**Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01 & KPB04 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 013 / 2026

Nama Projek:
Penggantian Dan Pemasangan
Saluran Paip Baru Utama
Di Simpang 39,
S sepanjang Jalan 99 Dan Jalan 18
Di RPN Kg. Rimba,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Kelas:
NIL

Kategori:
P01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 014 / 2026

Nama Projek:
Pembekalan Dan Penghantaran
Bahan-Bahan Kerja Air Untuk
Saluran Paip Transmission Dan
Sistem Tangk

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Kelas:
I, II, III Sahaja

Kategori:
KA01 & M03 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 015 / 2026

Nama Projek:
Pembinaan Sump Tank Dan
Booster Pump Untuk Di Spg. 396,
Kg. Sungai Akar

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV Atau V Atau VI

Kategori:
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 21 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaiki
Dan Menggantikan Kelengkapan
Elektrik Untuk Istana
Edinburgh, Challet, Villa,
Annex Dan Kawasan Sekitarnya,
Jalan Menteri Besar

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 23 / 2026

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi
Operasi Dan Kerja-Kerja
Pemeliharaan Elektrikal
Bagi Rumah VIP Assarra,
Jalan Perdana Menteri
Dan Kawasan Sekitarnya
Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen Tawaran
Pada :**
Selasa
11 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
1 September 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV Atau V Atau VI

Kategori:
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 20 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaiki
Dan Menggantikan
Kelengkapan Elektrik Untuk
Rumah VIP Assiadah Dan
Istana Darul Taqwa,
Kampong Jerudong Dan Kawasan
Sekitarnya

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 22 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaiki
Dan Menggantikan
Kelengkapan Elektrik Untuk
Rumah VIP Assarra,
Jalan Perdana Menteri Dan
Kawasan Sekitarnya

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen Tawaran
Pada :**
Selasa
11 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
1 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



Library At Bangunan Dewan
Majlis, Jabatan Majlis-Majlis
Mesyuarat, Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
Percuma

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Khamis 6 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 Ogos 2026



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
(Kelas I, II & III Sahaja)**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga:**
JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 06
Supply And Install Of New
Decorative Floor Carpet /
Laminate Flooring To Library At
Bangunan Dewan Majlis, Jabatan
Majlis-Majlis Mesyuarat, Negara
Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga:**
JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 11
Proposed To Design, Fabricate
And Install New Book Shelves To



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Makluman
Pemberitahuan Tawaran**

Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang pada
Selasa,
2 September 2026.

JPt / TAW / 07 / 2026-2027:
To Supply, Deliver, Install,
Test And Commission
Three (3) Complete Set
Of Laboratory Fume Hood
With Its Accessories
In Soil Science And Plant Nutrient
Unit.

(Yuran Tawaran BND10.00
Borang Tawaran BND15.00)

Website:
<http://www.agriculture.gov.bn>



**Iklan Jawatan Kosong
Di Universiti Teknologi Brunei
Peraturan Iklan 7(A)**

Bilangan Iklan:
06 / 2026

Jawatan:
Juruteknik Makmal Kanan

Penempatan:
Makmal Kejuruteraan Elektrikal &
Elektronik,
Fakulti Kejuruteraan

Tangga Gaji:
C.1-2 EB.3
(BND 1,280.00 – BND 2,270.00
Sebulan)

Bahagian: III

Kekosongan: Satu (1)

Tarikh Tutup: 1 Ogos 2026



**Iklan Jawatan Kosong
Di Universiti Teknologi Brunei
Peraturan Iklan 7(A)**

Bilangan Iklan:
07 / 2026

Jawatan:
Juruteknik Makmal Kanan

Penempatan:
Pusat Teknologi Maklumat Dan
Komunikasi (ICTC)

Tangga Gaji:
C.1-2 EB.3
(BND 1,280.00 – BND 2,270.00
sebulan)

Bahagian: III

Kekosongan: Satu (1)

Tarikh Tutup:
1 Ogos 2026



**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KEPI / BIOS / JKSH / 04 /
2026-2027
Membukakan Satu (1)
Sebut Harga Untuk Perkhidmatan
Jurubahasa (Interpreter)
Dari Bahasa
Mandarin-Inggeris-Mandarin

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
6 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



Iklan Jawatan Kosong

Bilangan:
HMSF / ADMIN / 02 / 2026

Jawatan:
Logistics Controller (SFNS2)

Kekosongan:1

Jawatan:
Technical Services Manager,
SFM4

Kekosongan:1

Jawatan :
Technical Instructor : SFS2

Kekosongan:1

Tarikh Tutup Permohonan:
Rabu, 5 Ogos 2026



**JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2026 / 09
Provision Of Pest And Wildlife
Control Services For The
Department Of Councils Of State
Brunei Darussalam For A
Period Of (12 Months)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Renewal Of Microsoft 365
Education A3 License For
Ministry Of Education**

**MOE / LTK / 22 / 2026 / 2027
(ICT-JULAI-2026)**
Renewal of Microsoft 365
Education A3 License For
Ministry of Education

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND505.00
[Bayaran Yuran Tawaran
Sebanyak BND500.00]



Yuran Tawaran:
Percuma

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



**Dan E-Dokumen Sebanyak
BND5.00 Tidak Dikembalikan]**

**Tarikh Terakhir Mengambil
E-Dokumen / Tawaran:**
8 Ogos 2026 (Sabtu)
Jam 9.45 Pagi

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa, 18 Ogos 2026
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2026-2027 / 06
24 Months Term Contract For
Security Guard Services At,
Bangunan Bahirah, Jalan Dewan
Majlis, Negara Brunei Darussalam

Scope Of Work
Bill No.2 -Security Services

Perimeter & Building

**[A] Supply Of Security Guards,
Bahirah Building**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
V

Kategori:

3 Guards Per Shift [Minimum]
[3 men x 3 shift] = 9 men

As per instruction of
Superintendent [S.O]
Ensure 24 hours coverage
Relief Shift included & deployed
as & when necessary.
one [1] Chief Site Inspector

[B] Security Services

Perimeter and Building Checks
Twice per day
Exterior [Surrounding Bahirah
Building] only
Interior Building
[if instructed by S.O]

Perimeter patrols
[3 times per day]
Morning, Afternoon, Midnight
[As instructed by S.O]

[C] Security Inspections

All Entry & Exit points
(Entrance & Rear)

M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 24 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Sistem Hawa
Dingin Di Pusat Kesihatan
Pengiran Anak Puteri Hajah
Muta-Wakkilah Hayatul Bolkihah
(PAPHMWHB) Dan
Pusat Dialisis Rimba
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa



At Guard Counter (Main Lobby)
Security Register & Reports
Weekly Inspection by S.O

[D] General Security Report

To Prepare Daily Attendance &
Report
Yearly Quarter Report for S.O

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026





JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JPB / 03 / 2026

Keterangan:
To Supply, Install And
Commissioning Of The Smart
Weapon Storage (SWS)
For Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
4 Ogos 2026
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2026
Term Contract For
Air Conditioning System In The
Buildings Under
The Department Of Fisheries,
Negara Brunei Darussalam For 12
Months

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2026
To Supply And Install Ring
Compressor Blower And Control
Panel At Meragang,
Department Of Fisheries

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2026
To Supply And Delivery Of
Media Laboratory Consumables
For Antimicrobial Susceptibility
Testing For Microbroth Dilution
Method

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
13 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV & V

Kategori:
B01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 14 / CQS / 2026-T /
IV

Nama Projek:
Menaiktaraf Bangunan
Galeri Kebudayaan
dan Pelancongan
Kampung Ayer,
Bandar Seri Begawan
- Design And Build

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
18 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen Tawaran
Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 17 / 2026

Nama Projek:
Pemeliharaan 6 Buah Lif
'Schindler' Di Pangsapuri
Kampung Mabohai,
Bandar Seri Begawan
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III Atau IV Atau V

Kategori:
E01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 18 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Elektrikal Di Bangunan Kerajaan
Kawasan Gadong (Zon D)
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV Atau V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 4 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 18 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 19 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian 'Ducting'
Bagi Sistem Sentral Hawa Dingin
Di Rumah - Rumah A, B, C dan D,
Istana Assiadah

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN KAJI UACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JKBD / 2026 / SH-12
The Supply,
Installation, Configuration
And Commissioning
Of Cloud-Based Virtual Machine
Service For Numerical
Weather Prediction Use For
Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Rabu,
5 Ogos 2026
Sebelum jam 9.00 Pagi



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
19 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Sebut Harga Bagi Upgrading
Works, Dismantle Existing Roof
And Ceiling, Supply And Install
New Roofing, Ceiling And
Electrical Works Including General
Repairs Works At Bangunan Stor
Simpanan Muzium Brunei, Kota
Batu, Negara Brunei Darussalam

Syarat Kelas Tambahan:
III, IV dan V

Tarikh Tutup:
Khamis,
13 Ogos 2026



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / CAU /
TDDB / TA / 001
Pembelian Alat Kelengkapan
Lightning Arrestor Bagi Kegunaan
Unit Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 25 Ogos 2026.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 1 September 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
TCP / 11 / 2026 / 2027
Kerja-Kerja Membuka Karpas Dan
Pemasangan Jubin / Tile
(Kawasan Pentadbiran Dan
Failing) Di Jabatan Perancang
Bandar Dan Desa, Cawangan
Tutong, Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup dan Tempat
Pengantaran:**
Selasa, 18 Ogos 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

**Yuran Sebut harga
(E-Dokumen):**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 21 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 22 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 23 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 132 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Domestic Waste Collection And Disposal Services For Seria Health Centre, Belait Health Office And Belait Tuberculosis Coordination Unit For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 133 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigerated Air Conditioning And Ventilation At Seria Health Centre, Sungai Liang Health Centre And Labi Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan

Tajuk Tawaran:
KK / 144 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Domestic Waste Collection And Disposal Services For Telisai Health Centre, Lamunin Health Centre, Pekan Tutong Health Centre And Sungai Kelugos Health Centre For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 149 / 2026 / SSBH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Video Laryngoscope For Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 150 / 2026 / SSBH
Replacement Of 6 No Of Chilled Water Air-Handling Units C/W Associated Components At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas:
II dan ke atas

Kategori:
M01,E01 Dan E02

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 151 / 2026 / PIHM(TC)
Provision Of Catering Services To The Pengiran Isteri Hajjah Mariam Hospital, Temburong For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 152 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Collecting And Transporting Phlebotomy And POCT Items For Department Of Health Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Isnin,
20 Julai 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Khamis,
30 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Ogos 2026

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(Tidak dikembalikan)



Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 153 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Intensive Care Unit (ICU) Beds For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 154 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Paediatric Multiparameter Monitor Complete With Central Monitoring System For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 155 / 2026 / PPN (TC)
Supply And Delivery Of Infection Control Consumables Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 156 / 2026 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Molecular Assay With Equipment Rental For National Mycobacteria Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 157 / 2026 / UPP (TC)
The Provision Of Shuttle Bus Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 158 / 2026 / JPKAS (TC)
The Provision Of Cleaning And Grass Cutting Services For Temburong Health Office For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 159 / 2026 / JPK(TC)
The Provision Of Cleaning And Grass Cutting Services For Muara Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 160 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Cleaning And Grass Cutting Services For Berakas Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 161 / 2026 / JPK (TC)
Three (3) Years Contract For Maintenance And Repair Of Electrical Services Under Seria Health Centre, Sungai Liang Health Centre, Labi Health Centre And Sukang Health Centre, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 162 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Fire Alarm System, Fire Hose Reel System And Fire Extinguishers For Building Under Health Centres Tutong, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kategori:
KPME05

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 163 / 2026 / DSS (TC)
To Supply And Deliver Annual Calibration Services For Weighing Balances For Forensic Science Division, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK/164/2026/PIHM(TC)
The Provision Of Security Services For Pengiran Isteri Hajjah Mariam Hospital, Temburong For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 165 / 2026 / HTD
Provisional Turnkey Project Of General Radiography System For Radiology Unit, Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM) Hospital

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 166 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Jaundice Meter For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
4 Ogos 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2026 / 2027 / SH-10
Inspection And Maintenance Of Fire Protection System For Brunei International Airport, Terminal Building

Tarikh Tutup:
Selasa,
18 Ogos 2026



Pengawal Keselamatan Di Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Selama
1 Tahun Mulai Pada 1 September 2026 Hingga 31 Ogos 2027

Kelas & Kategori:
I, Sijil Akta
Agensi Keselamatan (Penggali 187)

Bilangan:
SPA / BPK / SBH / 03 / 2026

Tarikh Buka Tawaran:



Yuran Tawaran:
BND 10.00

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
KK / 160 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Cleaning And Grass Cutting Services For Berakas Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:



Bilangan Tawaran:
20 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Supply, Delivery, And Installation Of Stainless-Steel Outdoor Benches At Jalan Pretty Kuala Belait And Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin Seria

Bilangan Tawaran:
21 / BBS / SH / (RQ) / 2026 - 2027



Keterangan Projek:
Fabricate, Supply, And Delivery Of Screen Partitions For Gerai Kompleks Sri Selera Seria, Jalan Kemantin Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 Ogos 2026



KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

17 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Twenty
Thousand (20,000) Pieces Of
CDC Patients Booklets For
Department Of Health Services,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

15 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of
"Small Stainless Dressing Trolley
And Large Stainless Dressing
Trolley" For Department Of Health
Services, Powder Coated - Small
Stainless Dressing Trolley -
16 Units, Large Stainless Dressing
Trolley - 11 Units

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

MOH / HPC / QTN / 26-27 (12)
Outsourcing Nicotine
Dependence Intervention Program
(NDIP) For Health Promotion
Centre - Clustering

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

MOH / HPC / QTN / 26-27 (10)
Outsourcing School-Base And
Peer-Led Intervention To Reduce
Uptake Of Cigarettes In
Adolescents (Spiruca) Programme
For Health Promotion Centre -
Clustering

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

MOH / HPC / QTN / 26-27 (07)
Management And Production
Of Tiktok Video Content, Paid
Advertising Campaigns, And
Quarterly Performance Analytics
For Health Promotion Centre,
Ministry Of Health - Clustering

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

BME / A2K / (1645) / 2026 /
HTD (A20)
One Off Preventive
Maintenance Services For One (1)
Unit Of High-Performance Liquid
Chromatography (HPLC) System,
Brand: Thermo Fisher Scientific,
Model: Ultimate 3000, S/N:
8088524, BME20299, At Food
Chemistry Laboratory,
Department Of Scientific Services

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

19 / QTN / JPK / 2026
Urgent Installation Of
Air-Conditioning Units At
Pharmacy And Waiting Area At
Existing Old Block Jubli Perak
Sengkuring Health Centre,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

(79) PSD / QTN / 2026 -
(SSBH)
To Supply, Delivery And Install
Storage Cabinet For Emergency
Department Extension Building,
Suri Seri Begawan (SSB)
Hospital, Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

(80) PSD / QTN / 2026 -
(SSBH)
To Supply And Replace
Pneumatic Tube System Motor
Station At Ward 10 In Suri Seri

Begawan Hospital, Kuala Belait

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

(81) PSD / QTN / 2026 -
(SSBH)
Membekal Dan Menghantar
Jamuan Bagi Kursus-Kursus,
Latihan-Latihan, Taklimat Dan
Mesyuarat Rasmi Di Suri Seri
Begawan (SSB) Hospital, Ministry
Of Health Bagi Tempoh Satu (01)
Tahun (Clustering)

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

(82) PSD / QTN / 2026 -
(JKPPP)
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning
Personal Protective Equipment
Bagi Perkhidmatan Kecemasan
Perubatan Ambulans
(Non-Clustering)

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

18 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Plastic
Breakaway Lock, Department Of
Health Services For A Period Of
Three (3) Years

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

16 / QTN / JPK / 2026
Urgent Electrical Works For
PVC Green Insulated Earth Cable
From MCB Ground Floor To 1st
Floor And 2nd Floor At
PAPHMWHB Gadong Health
Centre

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

BME / A2K / (1708) / 2026 /
HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install
Spare Parts For Four (4) Units Of
Midmark Autoclaves, Model:
Dentisure B18 BME23013 (S/N:

DB1NCJ0096) At Room 5
Suri Seri Begawan Hospital Kuala
Belait And Model: M9, BME9631
(S/N: V1349526), BME1468 (S/N:
V1493630) At Seria Dental Clinic
And BME1467 (S/N: V1493245)
At Gadong Dental Clinic For
Department Of Dental

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

BME / A2K / (1691) / 2026 /
HTD (A20)
One-Off Preventive
Maintenance For Two (2) Units Of
Atomic Absorption Spectrometer
(AAS), Brand: Thermo Scientific,
Model: ICE 3500 At Pharmacy
Laboratory, Department Of
Scientific Services

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

BME / A2K / (1707) / 2026 /
HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install
Spare Parts Of One (1) Unit Of
Belmont Dental Chair, Model:
Cesta II, BME1101, S/N:
FB11D0018 At Room 51 Muara
Dental Clinic For Department Of
Dental Services, Ministry Of
Health

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

BME / A2K / (1706) / 2026 /
HTD (A17)
Planned Preventive
Maintenance Of MGI Genetic
Sequencer, BME27753, Model:
DNDSEQ-G50, SN:
C21403400210006 At CMDLILD,
Makmal BSL2 BSL3, Tutong.
(WO: 2026-12349)

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

BME / A2K / (1694) / 2026 /
HTD (A17)
To Service And PPM One (1)

Unit Of Biomerieux Microbial ID
Testing Equipment, BME17356,
Model: Vitek MS, SN: 50607 At
Microbiology Lab, RIPAS Hospital,
Lab Services. (WO: 2026-11458)

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

BME / A2K / (1709) / 2026 /
HTD (A6)
To Perform Calibrations,
Planned Preventive Maintenance
(PPM) And Testing For Manual
Blood Pressure And Digital
Blood Pressure Apparatus
At All Health Centre,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**

(14) JPR / QTN / 2026
Restoration Works,
Waterproofing Works And
Fabrication Works,
At Rimba Dialysis Centre

Yuran Sebut Harga:

BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Sabtu
8 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II atau III atau IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
20 Julai 2026 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

11 Ogos 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
18 Ogos 2026
(Selasa)
Sebelum Jam 2.00 petang

(Ditutup di Pejabat
Lembaga Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan
BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T011 / 2026
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Landskap Dan
Kemudahan-Kemudahan
Taman Di Sungai Berakas,



Negara Brunei Darussalam
Untuk Tempoh
Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T011 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:

JKR / DBSBM014 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / JPA.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Bagi
Kebocoran Di Bangunan Balai
Khazanah Islam Sultan Haji
Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
21 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup
Tawaran:**



Selasa,
4 Ogos 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

MALAM VARIASI MUZIK LIVEBAND MEWARNAI PENTAS PERAYAAN TUTONG

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Isnin, 27 Julai. - Malam Variasi Muzik Liveband yang berlangsung malam tadi menyerikan lagi Pentas Perayaan Daerah Tutong bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Hirulizam @ Khairulizam bin Haji Jeffrey.

Acara yang dianjurkan oleh Mission X Band berkenaan diisikan dengan persembahan nyanyian yang dikumandangkan bagi menghiburkan para pengunjung yang hadir di Pentas Perayaan kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Kumpulan yang ditubuhkan pada 2025, Mission X Band terdiri daripada lima pemain muzik dan

dua penyanyi mendendangkan lagu-lagu yang cukup menghiburkan antaranya 'Kelahiran Putera', 'Joget Pantai Seri Kenangan', 'Dia', 'Sehati dan Sejiwa', 'Jika Cinta Dia', 'Drama' dan banyak lagi.

Acara pada malam tadi juga dimeriahkan dengan segment kuiz bagi para pengunjung yang hadir dengan turut menawarkan beberapa hadiah yang menarik.

Penganjuran persembahan seumpama berkenaan adalah bertujuan bagi menyemarakkan lagi kemeriahan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta memeriahkan lagi suasana Pentas Perayaan di Daerah Tutong.

Pentas Perayaan Daerah Tutong akan terus menampilkan pelbagai pengisian menarik termasuk persembahan bercorak kebudayaan, hiburan, keagamaan dan beberapa aktiviti kemasyarakatan sepanjang

tempoh sambutan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan persembahan Pentas Perayaan pada setiap malam diadakan sehingga 8 Ogos 2026 depan bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.

PENGHULU Mukim Kiudang, Awang Haji Hirulizam @ Khairulizam bin Haji Jeffrey hadir selaku tetamu kehormat majlis.



ACARA tersebut dianjurkan oleh Mission X Band, sebuah kumpulan yang ditubuhkan pada 2025, terdiri daripada lima pemain muzik dan dua penyanyi.





**TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA,
JAUHI TELEFON BIMBIT.**

**WATCH THE ROAD,
KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.**

Road Safety Depends
on #YouAndMe

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Sayur Umbut Masak Lemak RPN Bukit Beruang

BAHAN-BAHANNYA :

700g umbut kelapa
10 biji cili api (tumbuk lumat)
Udang hidup (untuk sapak)
Santan pekat
3 ulas bawang merah (dihiris)
3 ulas bawang putih (dihiris)
Sedikit belacan
Garam dan gula secukupnya

Air secukupnya

Minyak untuk menumis

CARA-CARA MEMASAKNYA:

Panaskan sedikit minyak kemudian tumis bawang merah dan bawang putih sehingga garing. Kemudian, masukkan air secukupnya dan umbut

kelapa. Gaul rata dan biarkan sehingga mendidih. Masukkan cili padi yang telah ditumbuk, belacan dan udang. Tuangkan santan pekat kacau sebati. Perasakan dengan garam dan gula mengikut cita rasa. Masak sehingga kuah sedikit pekat.



Syabab Prihatin pupuk jiwa tanggungjawab sosial belia

BUDAYA khidmat masyarakat amat mustahak diperkaskan dalam kehidupan bermasyarakat termasuklah golongan belia dengan sebaik-baiknya agar mereka mampu menjadi insan-insan penerus bangsa yang bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah, tidak kira berupa tenaga, buah fikiran, mahupun wang ringgit dengan penuh keikhlasan demi mencapai kesejahteraan, keharmonian serta kemakmuran negara dari semasa ke semasa.

Peri mustahaknya penerapan semangat khidmat masyarakat yang merujuk kepada nilai kesukarelawanan, tanggungjawab sosial dan perpaduan dalam membantu komuniti tanpa mengira latar belakang ini sememangnya mampu menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang berdaya tahan, prihatin dan lestari, sejajar dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam serta tuntutan agama Islam.

Misi Program Syabab Prihatin

Sehubungan itu, baru-baru ini Kumpulan Belia Masjid Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali (MSSA) Kampung Sengkuring tidak ketinggalan berganding bahu memupuk dan membimbing golongan belia menghayati nilai-nilai Islam melalui penglibatan dalam aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan menerusi sebuah program khidmat

masyarakat 'Syabab Prihatin : Food for Unsung Heroes'.

Seramai 15 peserta dalam lingkungan usia 17 hingga 25 tahun turut sama menjayakan program yang diadakan di The Shared Kitchen, di Pusat Belia, ibu negara, bermula dari jam 6.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Ketika ditemu bual Pelita Brunei, Ketua Beliawanis Kumpulan Belia Masjid Syababul Iman MSSA Kampung Sengkuring, Dayang Siti Nurnadiatul Syahirah binti Mohammad Sumadi menjelaskan program berkenaan merupakan penganjuran kali ke-15 bagi inisiatif di bawah program khidmat masyarakat 'Syabab Prihatin', di samping menjadi siri keenam dalam program pembangunan belia 'The Journey Back to Allah', yang bertujuan membimbing para belia menghayati nilai-nilai Islam melalui penglibatan dalam aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan. Program ini turut dijayakan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Kumpulan Belia Masjid Syababul Iman MSSA Kampung Sengkuring yang mengurus dan menyelaras serta memantau perjalanan program bersama para peserta belia yang terlibat.

"Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengikuti beberapa pengisian yang merangkumi sesi taklimat ringkas, aktiviti gotong-royong memasak, penyediaan serta pembungkusan makanan

dan minuman, diikuti dengan penghantaran sumbangan kepada golongan sasaran.

"Melalui usaha bersama para sukarelawan, kira-kira 100 pek makanan dan minuman berjaya disediakan dan diagihkan kepada golongan pekerja operasi serta petugas barisan hadapan seperti atenden stesen minyak, pekerja pembersihan, buruh kasar, pengawal keselamatan, anggota polis dan anggota bomba yang sedang menjalankan tugas," jelas beliau.

Dayang Siti Nurnadiatul Syahirah turut menambah setiap pek sumbangan mengandungi hidangan Nasi Goreng Kampung, Ayam Goreng, Roti John dan juga air minuman manis. Agihan sumbangan telah dilaksanakan di beberapa kawasan sekitar Bandar Seri Begawan, Mabohai, Gadong, Tumasek dan Beribi. Ini sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada mereka yang terus berkhidmat demi kesejahteraan masyarakat.

Hargai jasa pekerja barisan hadapan

Sementara itu, Ketua Media Kumpulan Belia Masjid Syababul Iman MSSA Kampung Sengkuring, Dayang Norsafina binti Awang Adi semasa ditemu bual Pelita Brunei turut menjelaskan bahawa penganjuran program berkenaan sememangnya bertujuan menyemai nilai keprihatinan,

Rencana dan Foto : Nurdyanah Rajami

empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan belia, di samping menggalakkan budaya kesukarelawanan, gotong-royong serta penghargaan terhadap individu-individu yang banyak menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat tetapi sering berada di sebalik tabir.

"Tema 'Food for Unsung Heroes' dipilih sebagai simbol penghargaan kepada golongan pekerja yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran kehidupan seharian masyarakat. Walaupun jasa mereka jarang mendapat perhatian umum, sumbangan mereka amat besar dan wajar dihargai," ujarnya.

Mewakili ahli kumpulan belia berkenaan, beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyumbang, rakan kerjasama dan sukarelawan yang telah menghulurkan sumbangan sama ada dalam bentuk kewangan, barangan mahupun tenaga sehingga program tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Semoga segala usaha dan sumbangan yang diberikan menjadi amal kebajikan yang diterima serta memberi inspirasi kepada lebih ramai belia negara kita untuk terus berbakti kepada agama, masyarakat dan negara," luahnya penuh harapan tulus. Melahirkan generasi belia rabbani Kumpulan Belia Masjid

Syababul Iman merupakan kumpulan belia masjid yang bernaung di bawah MSSA Kampung Sengkuring dan ditubuhkan secara rasmi pada 23 Mac 2012.

Matlamat kumpulan ini adalah untuk melahirkan generasi belia rabbani yang berakhlak mulia, berilmu dan berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan As-Sunnah, untuk melahirkan pemimpin-pemimpin yang akan dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Di samping itu, untuk melahirkan golongan belia yang sentiasa mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti yang membangun jiwa dan minda seperti mana fungsi masjid yang terdapat di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sepanjang penubuhannya, kumpulan ini telah menganjurkan pelbagai program, antaranya Kembara Ukhuwah; Run & Ride 4 Humanity; BruAksi; Karnival Cinta Masjid; Program Tahunan 'Zero to Hero, Journey of a Muslim'; Aktiviti Kemasyarakatan 'Syabab Prihatin'; Hijrah Walk; majlis-majlis ilmu seperti 'BePro', 'Youth Protection Series', Bicara An-Nisa, Mihrab CintaNya, Qiyamullail Bulanan, dan sebagainya. Secara keseluruhannya, kumpulan ini dianggotai oleh 31 orang ahli jawatankuasa yang berperanan dalam merealisasikan visi dan objektif organisasi.





UNISSA memperkasa khidmat masyarakat ke arah kesejahteraan ummah

SEIRING dengan perkembangan dunia global, universiti dan institusi pendidikan tinggi kini memainkan peranan yang lebih meluas, bukan sekadar dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, tetapi juga dalam melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat sejagat. Dalam hal ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), selaku sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan nilai-nilai Islam di Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam menandai tanggungjawab strategik untuk memimpin inisiatif khidmat masyarakat, kesukarelawanan, dakwah dan misi kemanusiaan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh UNISSA untuk memperkukuh budaya kesukarelawanan dan khidmat masyarakat ke arah melahirkan graduan yang berjiwa masyarakat.

Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah

Dilaksanakan sebanyak 11 siri dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah yang dikendalikan oleh kumpulan belia Al-Qudwah ini antara lain bertujuan membentuk belia yang berilmu, berakhlak dan berdaya tahan berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Program ini menampilkan penglibatan aktif mahasiswa UNISSA sebagai

perancang, fasilitator dan pembimbing, sekali gus membentuk kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan serta semangat kesukarelawanan. Sejak program dikendalikan, ia telah memberi manfaat kepada lebih 800 orang belia di seluruh negara, melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak, berkeyakinan dan bersedia menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara.

Tangkas Tangkis

Menyedari akan bahaya penyalahgunaan dadah, UNISSA telah mengambil inisiatif mengendalikan program pendidikan mendekati golongan pelajar dengan mengunjungi sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Seramai 1,200 pelajar dari 27 buah sekolah rendah telah menyertai program kolaborasi antara UNISSA melalui RAKAN U.M.A.T, Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Kementerian Pendidikan ini yang antara lain bertujuan untuk membina generasi muda yang berdaya tahan dan bebas dadah.

Program Celik Halal

Sebagai pendidikan awal mengenai pengetahuan asas tentang halal dan haram terutama dalam aspek makanan, UNISSA melalui Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan telah

mengambil inisiatif dengan melaksanakan satu program dikenali sebagai Program Celik Halal. Bermula tahun 2019, program ini antara lain mempunyai objektif ke arah membina kefahaman tentang konsep halal, haram dan syubhah kepada masyarakat awam; meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan makanan halal dan membantu peserta mengenali produk dan logo halal di samping berkongsi ilmu yang dipelajari di universiti sebagai sumbangan khidmat kepada masyarakat.

Growing Green

Projek Growing Green memupuk kesedaran terhadap alam sekitar melalui aktiviti penanaman dan pendirian pertanian, dengan kerjasama antara UNISSA, institusi pendidikan swasta dan sekolah antarabangsa dalam memperkasa pendidikan alam sekitar. Setakat ini projek di bawah Fakulti Pertanian ini telah melibatkan sebanyak lapan buah sekolah dengan tujuan menggalakkan pelajar dan masyarakat mewujudkan persekitaran yang lebih hijau serta mengamalkan amalan lestari. Lawatan pendidikan ke UNISSA, Kampus Sinaut juga telah diadakan sepanjang 2025-2026, melibatkan sekolah menengah, sekolah antarabangsa dan institusi pengajian bagi meneroka kemudahan pertanian moden sempena penganjuran Mahrajan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan UNISSA

Hafiz Al-Takharrij UNISSA 2025.

Program Khidmat Masyarakat Antarabangsa

Sementara itu bagi khidmat masyarakat di luar negara pula, UNISSA melalui Pusat Penataran Ilmu & Bahasa telah mengadakan Program Kemasyarakatan Misi Bantuan Banjir ke Aceh, Indonesia dengan tujuan menyantuni masyarakat yang terjejas akibat bencana banjir melalui penyaluran bantuan kemanusiaan serta memperkukuhkan semangat ukhuwah dan tanggungjawab sosial. Misi merangkumi agihan keperluan asas, bantuan kewangan, ziarah ke pusat pemindahan sementara dan rumah anak yatim, di samping penyerahan sumbangan sebanyak Rp57,000,000 kepada UIN Ar-Raniry untuk disalurkan kepada mangsa. Pasukan turut melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat seperti membantu pembangunan dan pembaikan masjid serta menjalinkan

kerjasama dengan komuniti setempat.

Program ini bukan sahaja membantu meringankan beban mangsa banjir dari aspek material dan emosi, malah memperkukuh nilai ihsan, empati dan kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa. Di samping itu, ia memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa dan menyokong agenda memperkasakan pembangunan masyarakat serta ummah di peringkat global.

Pelaksanaan program-program khidmat masyarakat oleh UNISSA sebagai sebuah universiti Islam yang berteraskan nilai-nilai ilmu, iman dan amal ini mencerminkan komitmen universiti berkenaan dalam melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran di samping prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Adalah diharapkan usaha sedemikian akan dapat melahirkan generasi berilmu dan berbakti serta menyumbang kepada kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

MENYEDARI akan bahaya penyalahgunaan dadah, UNISSA telah mengambil inisiatif mengendalikan program pendidikan mendekati golongan pelajar dengan mengunjungi sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Seramai 1,200 pelajar dari 27 buah sekolah rendah telah menyertai program kolaborasi antara UNISSA melalui RAKAN U.M.A.T, Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Kementerian Pendidikan ini yang antara lain bertujuan untuk membina generasi muda yang berdaya tahan dan bebas dadah.



SYDNEY, 28 Julai. - Syarikat pembekal tenaga terbesar Australia pada Selasa memaklumkan bahawa data kira-kira 900,000 pelanggannya terjejas dalam insiden keselamatan yang didedahkan awal bulan ini, lapor Xinhua.

Ketua Pegawai Eksekutif Origin Energy Frank Calabria dalam satu

DATA 900,000 PELANGGAN ORIGIN ENERGY DIAKSES DALAM INSIDEN KESELAMATAN

kenyataan berkata syarikat itu telah menyelesaikan fasa awal semakan terhadap insiden berkenaan dan percaya maklumat kira-kira 900,000 pelanggan semasa serta bekas pelanggan telah diakses.

Beliau berkata Origin Energy sedang bekerjasama dengan pakar keselamatan siber, pakar forensik dan pihak berkuasa bagi memastikan insiden itu dapat dibendung.

"Kepada pelanggan kami, saya memohon maaf. Kami amat menghargai kepercayaan yang diberikan pelanggan kepada Origin Energy serta tanggungjawab kami untuk melindungi maklumat mereka," kata Calabria.

Origin Energy pada 22 Julai mengumumkan bahawa pihaknya sedang menyiasat kemungkinan berlaku pelanggaran keselamatan, sebelum mengesahkan keesokan

hari bahawa terdapat akses tanpa kebenaran dan pendedahan data sesetengah pelanggan.

Maklumat yang terjejas termasuk nama, tarikh lahir, alamat, nombor telefon serta sebahagian butiran akaun bank dan kad kredit.

Menurut Calabria, Origin Energy menyediakan khidmat sokongan khusus dalam aspek identiti dan keselamatan siber, sambil menasihatkan pelanggan agar

berwaspada terhadap sebarang panggilan, e-mel atau mesej mencurigakan.

Origin Energy membekalkan perkhidmatan elektrik, gas dan Internet kepada kira-kira 4.8 juta pelanggan di Australia.

Harga saham syarikat itu di Bursa Sekuriti Australia (ASX) susut 6.3 peratus sejak awal Julai kepada AUD10.38 (US\$7.25) setakat pagi Selasa. - ©BERNAMA

Persidangan Perth BFA fokus peralihan hijau

PERTH, 28 Julai. - Asia perlu mengukuhkan kerjasama dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran hijau serta memperluas bekalan produk dan perkhidmatan hijau.

Setiausaha Agung Forum Asia Boao (BFA) Zhang Jun berkata demikian ketika berucap pada Persidangan Perth BFA yang berlangsung di Australia pada Isnin.

Zhang berkata Asia kini berada di barisan hadapan dalam memacu transformasi hijau.

Menurut beliau, semua pihak perlu menumpukan kepada kerjasama yang berorientasikan tindakan dan menterjemahkan konsensus yang dicapai kepada langkah-langkah konkrit.

Persidangan bertemakan "Peralihan Hijau: Menuju Masa Depan demi Manusia dan Bumi" itu menghimpunkan wakil-wakil untuk membincangkan pelbagai topik, termasuk peralihan tenaga, perubahan iklim serta pendekatan pembangunan yang bersesuaian dengan keadaan sebenar rantau Asia Pasifik.

Sementara itu, Utusan Khas China bagi Hal Ehwal Perubahan Iklim Liu Zhenmin berkata produk tenaga angin dan fotovolt (PV) yang dieksport negara itu membantu mengurangkan kira-kira 4.1 bilion tan pelepasan karbon di negara-negara lain dalam tempoh 2021 hingga 2025.

Menurut Rancangan Lima Tahun (FYP) Ke-15, Republik Rakyat China akan memastikan matlamat mencapai puncak pelepasan karbon direalisasikan menjelang 2030, di samping

membangunkan sistem tenaga baharu yang bersih, rendah karbon, selamat dan cekap,

dengan intensiti pelepasan karbon dikurangkan sebanyak 17 peratus. - ©BERNAMA

Gempa bumi magnitud 5.0 landa lautan Atlantik Selatan

BEIJING, 27 Julai. - Gempa bumi bermagnitud 5.0 melanda Lautan Atlantik Selatan pada 2239 GMT Ahad, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa pada kedalaman 10 kilometer, pada mulanya dikenal pasti berada pada latitud 22.50 darjah selatan dan longitud 20.32 darjah barat. - ©BERNAMA

46 diselamatkan selepas kapal Republik Sosialis Viet Nam tenggelam di Laut China Selatan

SANSHA, 27 Julai. - Seramai 46 kru sebuah kapal Republik Sosialis Viet Nam yang tenggelam berhampiran Terumbu Yongshu di Kepulauan Nansha, Laut China Selatan berjaya diselamatkan setakat 9 malam Ahad, termasuk seorang yang diselamatkan oleh pihak Republik Sosialis Viet Nam, menurut pihak berkuasa di bandar Sansha, selatan Republik Rakyat China, lapor Xinhua.

Pada 8.05 malam, pihak Republik Rakyat China memindahkan 41 mangsa yang diselamatkan secara berperingkat menggunakan rakit penyelamat daripada kapal penyelamat Republik Rakyat China,

"Nanhai Jiu 115", kepada kapal tentera laut Republik Sosialis Viet Nam, "Truong SA-01". Baki empat lagi mangsa dijadualkan diserahkan pada Isnin.

Kira-kira 6.23 petang pada Sabtu, kapal "Nanhai Jiu 115" yang dikendalikan oleh Biro Penyelamat Nanhai di bawah Kementerian Pengangkutan China, mengesan isyarat kecemasan di laut.

Selepas menemukan sebuah rakit penyelamat yang membawa beberapa individu melambai-lambai pakaian untuk meminta bantuan, kapal penyelamat berkenaan menghampiri rakit itu untuk menjalankan operasi

menyelamat.

Menurut pihak berkuasa mencari dan menyelamat maritim Sansha, kesemua mangsa yang diselamatkan merupakan warga Republik Sosialis Viet Nam dari kapal "Khoi Nguyen 18" yang mengalami masalah. Kapal sepanjang 69.9 meter dan lebar 10.8 meter itu membawa 62 orang semasa kejadian berlaku.

Sebanyak enam kapal dan sebuah helikopter penyelamat dari Republik Rakyat China, serta tujuh kapal dari Republik Sosialis Viet Nam masih meneruskan operasi mencari dan menyelamat di lokasi kejadian. - ©BERNAMA

Glasgow 2026 : Impian saya akhirnya tercapai - Muhammad Aznil

GLASGOW, 27 Julai. - Jaguh angkat berat negara Muhammad Aznil Bidin menyifatkan kejayaan memenangi pingat emas ketiga berturut-turut di Sukan Komanwel sebagai detik paling membanggakan dalam kariernya selepas melakar sejarah tersendiri pada edisi Glasgow 2026.

Muhamad Aznil berkata hatik emas itu sudah lama diimpikannya, dengan kejayaan dalam kategori 65 kilogram (kg) lelaki di Scottish Event Campus (SEC) Armadillo di sini pada Ahad, menyaksikan beliau muncul sebagai atlet angkat berat pertama negara memenangi emas dalam tiga edisi berturut-turut.

Atlet berusia 32 tahun itu memenangi kategori 62kg pada edisi Gold Coast 2018, sebelum merangkul emas dalam kategori 61kg di Birmingham 2022, sekali gus mengatasi rekod bekas badang negara Amirul Hamid Ibrahim yang meraih emas pada edisi Manchester 2002 dan Delhi 2010.

"Saya rasa sangat bangga sebab dapat buat hatik seperti yang saya impikan. Alhamdulillah, impian itu akhirnya tercapai. InsyaaAllah, selepas ini fokus saya ialah membuat persediaan menghadapi Sukan Asia dan kelayakan Sukan Olimpik (Los Angeles 2028)," katanya kepada Bernama.

Dalam saingan 65kg, Muhamad Aznil turut memperbaharui tiga rekod temasya menerusi angkatan 133kg dalam *snatch*, 166kg dalam *clean and jerk* serta jumlah keseluruhan 299kg.

Beliau bukan sahaja mencipta tiga rekod temasya, malah memperbaharui setiap rekod itu sebanyak dua kali sepanjang saingan.

Pingat perak menjadi milik atlet Republik India Raja Muthupandi selepas merekodkan jumlah angkatan keseluruhan 286kg, manakala Morea Baru dari Papua New Guinea meraih gangsa dengan catatan 282kg.

Sementara itu, mengulas strategi penetapan beban angkatan, Muhamad Aznil mengakui memilih pendekatan lebih selamat bagi memastikan emas berada dalam genggamannya sebelum mencuba angkatan lebih tinggi.

"Untuk rekod temasya, saya rasa tadi kami pilih angkatan yang lebih selamat. Sebab jurang dengan pencabar sudah agak jauh, jadi fokus utama ialah memastikan *clean and jerk* berjaya dan pingat emas dapat dipastikan terlebih dahulu," katanya.

Rekod peribadi terbaik Muhamad Aznil ialah 306kg iaitu 133kg dalam *snatch* dan 173kg dalam *clean and jerk* - yang dilakar pada Sukan SEA Thailand tahun lepas.

Dalam pada itu, ditanya apa yang bermain di fikirannya ketika berada di atas platform pertandingan, Muhamad Aznil berkata fokusnya ialah memberikan persembahan terbaik untuk meraih emas.

Kejayaan Muhamad Aznil hadir beberapa jam selepas rakan sepasukan Mohamad Aniq Kasdan menghadihkan emas pertama Malaysia menerusi kategori 60kg lelaki, sekali gus menjadikan angkat berat penyumbang utama kejayaan kontinjen negara pada hari ketiga temasya.

Terdahulu, atlet muda Irene Jane Henry turut menyumbang pingat gangsa dalam kategori 48kg wanita pada penampilan Sukan Komanwel sulungnya.

Malaysia setakat ini mengumpul dua pingat emas dan dua gangsa, dengan satu lagi pingat gangsa disumbangkan jaguh powerlifting para negara Bonnie Bunyau Gustin dalam kategori lightweight lelaki. - ©BERNAMA

Sepanyol teruskan usaha padam kebakaran hutan terbesar, hampir 100,000 orang terjejas

MADRID, 27 Julai. - Kebakaran hutan terus marak di beberapa kawasan di bahagian tengah Sepanyol pada Ahad, dengan kebakaran di wilayah Avila menjadi yang terbesar dalam sejarah negara itu selepas memusnahkan kira-kira 50,000 hektar kawasan, menurut pihak berkuasa, lapor Xinhua.

Timbalan Perdana Menteri Ketiga merangkap Menteri Peralihan Ekologi Sepanyol Sara Aagesen berkata kebakaran hutan yang melanda wilayah Madrid serta Avila dan Toledo telah memusnahkan lebih 77,000 hektar kawasan secara keseluruhan.

Wilayah Madrid, Avila dan Toledo merupakan kawasan paling teruk terjejas, dengan hampir 100,000 penduduk dipindahkan atau diarahkan supaya kekal berada di dalam rumah di 46 kawasan perbandaran.

Satu lagi kebakaran hutan yang berlaku pada hujung minggu di wilayah Castellon di timur negara itu menjejaskan lebih 16,000 penduduk di 18 kawasan

perbandaran.

Ribuan anggota bomba dengan bantuan Unit Kecemasan Tentera Sepanyol (UME), pesawat pemadam kebakaran dan helikopter meneruskan usaha memadamkan kebakaran pada Ahad.

Komander UME Leftenan Jeneral Francisco Javier Marcos Izquierdo berkata kebakaran di Avila dan Madrid masih berasingan kerana kedua-duanya hanya bertemu di kawasan yang sangat kecil dan tidak bersambung berhampiran San Martin de Valdeiglesias.

Beliau berkata anggota bomba percaya mereka berjaya menghentikan api daripada terus merebak antara kedua-dua kawasan kebakaran itu, walaupun perimeter kebakaran masih belum dapat dikawal sepenuhnya.

Bercakap dari pusat operasi Navalcarnero, barat Madrid, Aagesen menyifatkan situasi kebakaran hutan itu sebagai 'rumit', dengan pasukan kecemasan beroperasi di beberapa lokasi.

Beliau memberi amaran bahawa arahan pemindahan lanjut mungkin dikeluarkan jika perlu dan penduduk yang dipindahkan hanya dibenarkan pulang ke rumah selepas keadaan disahkan selamat.

Perdana Menteri Pedro Sanchez melawat kawasan terjejas pada Ahad dan berkata meskipun anggota bomba berdepan cabaran yang 'amat rumit', keadaan secara keseluruhan menunjukkan perkembangan positif dengan sebahagian kebakaran telah berjaya dikawal.

Raja Felipe VI dan Ratu Letizia turut berkenan berangkat melawat kawasan bencana bagi mendapatkan taklimat mengenai usaha tindak balas kecemasan serta menyatakan sokongan kepada penduduk terjejas dan petugas barisan hadapan.

Menurut Kementerian Peralihan Ekologi Sepanyol, kebakaran hutan telah memusnahkan sejumlah 172,453 hektar kawasan di seluruh negara setakat 24 Julai. - ©BERNAMA

PERTANDINGAN MELASTIK MARTABATKAN SUKAN TRADISIONAL, WARISAN BUDAYA

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Lamunin



TUTONG, Isnin, 27 Julai. - Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Lamunin dan Warisan Slingshot mengadakan Pertandingan Melastik Siri 1 / 2026 bagi Daerah Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, baru-baru ini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pegawai Daerah

PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Melastik Siri 1 / 2026 bagi Daerah Tutong (kanan), manakala gambar kiri, turut hadir selaku tetamu khas, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong.

Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Turut hadir selaku tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong, dan Ketua Kampung Lamunin, Awang Saini bin Haji Othman juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Lamunin.

Seramai 30 peserta menyertai bagi Kategori Terbuka dan 14 peserta pula menyertai Kategori Veteran 60 Tahun Ke Atas.

Adapun objektif pertandingan adalah bagi memartabatkan sukan tradisional melastik sebagai



warisan budaya dan rekreasi yang sihat dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, mengeratkan hubungan silaturahim antara peserta, penganjur dan komuniti melalui semangat kesukanan serta menyemarakkan minat generasi

muda dan veteran terhadap sukan melastik yang semakin dilupakan.

Acara khas juga dipertandingkan bagi acara terakhir pertandingan diselenggarakan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang serta bergambar ramai.

Memupuk kerjasama, menggalakkan kesejahteraan warga kerja

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam



PEMANGKU Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah hadir pada Majlis Penghargaan dan Pengiktirafan bagi Kontinjen Sukan BIBD yang menyertai Kejohanan Sukan Antara Bank 2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Julai. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini telah menganjurkan satu Majlis Penghargaan dan Pengiktirafan bagi Kontinjen Sukan BIBD yang menyertai Kejohanan Sukan Antara Bank 2026, yang berlangsung di Jakarta, Republik Indonesia dari 19 hingga 20 Jun 2026.

Kejohanan berkenaan menghimpunkan para profesional daripada institusi kewangan serantau terkemuka, termasuk Bank Syariah Indonesia, CIMB Niaga, Maybank dan BIBD, menerusi pelbagai aktiviti sukan dan jaringan profesional yang direka untuk mengukuhkan hubungan, memupuk kerjasama serta menggalakkan kesejahteraan warga kerja.

Menampilkan pertandingan dalam acara badminton, golf, bola sepak, boling dan

pickleball, kejohanan berkenaan bukan sekadar acara sukan semata-mata. Ia turut menyediakan platform yang bernilai kepada para peserta untuk bertukar dengan rakan industri, bertukar pandangan serta membina hubungan yang melangkaui gelanggang pertandingan.

Semasa berucap pada Majlis Penghargaan berkenaan, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah menegaskan, penglibatan dalam kelab sukan bukan sekadar menyertai perlawanan dan kejohanan.

Sebaliknya jelasnya lagi, ia merupakan peluang kepada para pekerja untuk menyumbang serta menyokong bank dengan cara yang bermakna, di samping menghayati nilai-nilai dan budaya organisasi.

Sukan terus menjadi platform yang berkesan untuk membina hubungan, memperluaskan rangkaian profesional, mempelajari amalan terbaik daripada rakan industri serta meneroka peluang baharu untuk kerjasama.

Melalui semangat persaingan yang sihat dan penglibatan yang bermakna, kejohanan berkenaan memperkukuh kepentingan memupuk hubungan erat dalam kalangan komuniti perbankan serantau.

Interaksi dan hubungan yang terjalin sepanjang kejohanan telah membuka ruang kepada pelbagai peluang yang berpotensi untuk semua institusi yang mengambil bahagian, sekali gus membuktikan bahawa sukan mampu menjadi pemangkin kepada kerjasama dan penciptaan nilai yang melangkaui batasan persekitaran perniagaan tradisional.

BIBD turut mengiktiraf peranan atletnya yang semakin berkembang sebagai duta bank. Melalui profesionalisme, semangat kesukanan dan imej positif yang dipamerkan, ahli kontinjen BIBD membantu memperkukuh kehadiran bank dalam komuniti perbankan serantau sambil mempromosi nilai-nilai BIBD, iaitu kerjasama, kecemerlangan dan integriti.

Majlis Penghargaan berkenaan juga bertujuan mengiktiraf dedikasi, komitmen dan pencapaian kontinjen BIBD, yang penyertaannya mencerminkan komitmen bank terhadap penglibatan pekerja, pembangunan diri serta pembinaan hubungan dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Lebih penting lagi, acara berkenaan menyerlahkan bagaimana sukan mampu mencipta nilai yang jauh melangkaui pertandingan itu sendiri. Dengan menghimpunkan individu melalui pengalaman yang dikongsi bersama,

Atlet renang terlepas peluang ke suku akhir



ATLET renang Negara Brunei Darussalam semasa menyertai Sukan Komanwel 2026 yang berlangsung di Tollcross International Swimming Centre, Glasgow.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026 Ke-23

GLASGOW, SCOTLAND, Isnin, 27 Julai. - Atlet renang Negara Brunei Darussalam (NBD), Dayang Sharmeen binti Mohamad Mharvin dan Joel Ling Thai Yu meneruskan saingan pada temasya Sukan Komanwel 2026 yang berlangsung di Tollcross International Swimming Centre, Glasgow, baru-baru ini.

Dalam Acara Women's 50m Backstroke (Heat 3/6), Dayang Sharmeen mencatatkan masa 30.63 saat, sedikit di belakang rekod kebangsaan miliknya iaitu 30.48 saat. Catatan tersebut juga tidak berjaya mengatasi rekod peribadinya, sekali gus menyaksikan Dayang Sharmeen menamatkan saingan di kedudukan keseluruhan ke-23 daripada 40 peserta dan gagal mara ke suku akhir.

Sementara itu, dalam Acara Men's 100m Freestyle (Heat 4/9), Joel Ling Thai Yu merekodkan masa 53.69 saat. Catatan itu masih belum dapat mengatasi rekod kebangsaan yang dipegangnya iaitu 52.72 saat. Joel menamatkan saingan di kedudukan keseluruhan ke-48 daripada 67 peserta, sekali gus gagal melayakkan diri ke peringkat suku akhir.

Walaupun tidak berjaya meneruskan cabaran, penyertaan kedua-dua atlet tetap memberikan pendedahan berharga di pentas antarabangsa sebagai persiapan menghadapi kejohanan-kejohanan akan datang.

sukan memupuk kepercayaan, mengukuhkan kerjasama strategik serta membuka laluan kepada kolaborasi dan peluang perniagaan pada masa hadapan.

Seiring dengan usaha berterusan BIBD untuk melabur dalam inisiatif yang menggalakkan

penglibatan bermakna, Kejohanan Sukan Antara Bank menjadi bukti keyakinan bank bahawa hubungan yang kukuh bukan sahaja dibina di tempat kerja, malah diperkukuh melalui semangat berpasukan, persahabatan dan pengalaman yang dikongsi bersama.



ePaper Pelita Brunei



ATLET NEGARA PAMER PERKEMBANGAN POSITIF, PERBAHARUI REKOD TERBAIK

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026 Ke-23

GLASGOW, SCOTLAND, Selasa, 28 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke Venue Olahraga bagi menyaksikan penyertaan atlet Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Md. Nazrul Putera bin Faeiz Firdaus dalam Acara 100 meter (m) Pecut Lelaki dan

Dayang Nur Syafiqah binti Abdullah Md. Mukhlis dalam Acara 100m Pecut Wanita sempena Sukan Komanwel Ke-23 di Glasgow, Scotland, baru-baru ini.

Kedua-dua atlet mempamerkan semangat juang, disiplin dan komitmen yang tinggi sepanjang perlumbaan.

Pada acara tersebut, Awang Md. Nazrul Putera dan Dayang Nur Syafiqah masing-masing berjaya memperbaharui rekod peribadi (*Personal Best*), sekali gus membuktikan peningkatan prestasi hasil persediaan dan latihan yang konsisten.

Sejurus selesai pertandingan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menemui kedua-dua atlet berkenan bagi menyampaikan sabda penghargaan dan kata-kata semangat.

Seterusnya, Duli Yang Teramat

Mulia turut berkenan mengurniakan sabda ucapan tahniah atas kejayaan mereka mencatat rekod peribadi baharu serta menzahirkan harapan agar kedua-duanya akan terus mempertingkatkan prestasi dan menjadikan penyertaan ini sebagai pemangkin untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada kejohanan-kejohanan akan datang.

Hasil laporan, dalam Acara 100m Pecut Lelaki, Awang Md. Nazrul Putera mencatat masa 10.81 saat, sekali gus memperbaharui rekod peribadinya daripada 11.08 saat.

Awang Md. Nazrul Putera menamatkan saingan di tempat keenam daripada tujuh pelari dalam Heat 1 daripada 11 dan berada di kedudukan keseluruhan ke-53 daripada 73 peserta. Rekod kebangsaan bagi acara ini masih dipegang oleh Firdaus dengan catatan 10.48 saat.

Sementara itu, dalam Acara 100m Pecut Wanita, Dayang Nur Syafiqah turut mencipta rekod peribadi baharu apabila merekodkan masa 13.46 saat,



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan menemui kedua-dua atlet berkenan bagi menyampaikan sabda penghargaan dan kata-kata semangat (atas). Sementara gambar bawah kiri, Dayang Nur Syafiqah binti Abdullah Md. Mukhlis dalam Acara 100m Pecut Wanita.

memperbaiki catatan sebelumnya iaitu 13.54 saat.

Dayang Nur Syafiqah menamatkan perlumbaan di tempat keenam daripada tujuh pelari dalam Heat 8 daripada 8, sekali gus menduduki kedudukan keseluruhan ke-50 daripada 52 peserta. Rekod kebangsaan

acara tersebut kekal milik Alinawati Aliakbar dengan catatan 12.02 saat.

Pencapaian kedua-dua atlet ini menunjukkan perkembangan positif apabila masing-masing berjaya memperbaharui rekod terbaik peribadi mereka di pentas pertandingan antarabangsa.



Atlet angkat berat negara berada di kedudukan ke-6

Oleh : Srinawie Bidzah
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026 Ke-23



ATLET angkat berat Brunei, Awang Mohammad Nashrul bin Haji Abu Bakar berjaya menempatkan diri di kedudukan keenam daripada sembilan pesaing.

GLASGOW, SCOTLAND, Isnin, 27 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), berkenan berangkat menyaksikan atlet angkat berat Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Awang Mohammad Nashrul bin Haji Abu Bakar, bertanding dalam Acara Men's 65kg (Akhir).

Acara berkenaan berlangsung di SEC Armadillo, pada Sukan Komanwel Ke-23 di Glasgow, Scotland.

Pada pertandingan berkenaan, atlet angkat berat negara berjaya mengangkat sebanyak 110kg bagi Kategori Snatch; manakala Kategori Clean & Jerk sebanyak 143kg dengan jumlah angkatan keseluruhan 253kg.

Dengan kutipan berkenaan, Awang Mohammad Nashrul berada di kedudukan keenam daripada sembilan pesaing.

Piala ASEAN : Di sebalik gesaan boikot, penyokong tetap bersama Harimau Malaya

KUALA LUMPUR, 28 Julai. - Di sebalik gesaan Ultras Malaya (UM) supaya memboikot perlawanan membabitkan Harimau Malaya, masih ada penyokong setia yang hadir ke Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras di sini bagi menyatakan sokongan kepada skuad kebangsaan pada aksi kedua Kumpulan 'B' Piala ASEAN 2026 menentang Republik Demokratik Rakyat Lao malam ini.

Walaupun jumlah penonton tidak memenuhi kapasiti stadium dan suasana kurang meriah tanpa sorakan padu 'ekor' Harimau Malaya, mereka hadir bagi memberikan suntikan semangat kepada skuad kendalian ketua jurulatih sementara Tan Cheng Hoe, dengan beranggapan pemain tidak seharusnya menjadi mangsa kepada kemelut yang melanda bola sepak negara.

Bagi pekerja swasta, Raja Muhammad Faiz Raja Jamalizan, 24, isu di luar padang tidak sepatutnya menjejaskan sokongan kepada pemain kerana mereka

memerlukan kehadiran penyokong di stadium.

"Bagi saya dan kawan-kawan, memang tidak perlu boikot. Kalau bukan kita yang sokong pemain kita, siapa lagi," katanya ketika ditemui di pekarangan stadium sebelum sepak mula dijadualkan berlangsung pada 9 malam ini.

Syazwani Sardon, 39, pula membuktikan sokongannya terhadap Harimau Malaya tidak pernah luntur apabila sanggup hadir ke stadium walaupun sedang sarat mengandung enam bulan.

Pada masa sama, Syazwani turut berharap lebih ramai penyokong akan memenuhi stadium bagi perlawanan terakhir menentang Republik Filipina pada 8 Ogos ini.

Terdahulu, Ultras Malaya menerusi satu kenyataan di media sosial menggesa penyokong mengosongkan stadium bagi semua perlawanan Harimau Malaya sehingga kemelut melanda bola sepak negara diselesaikan.

Pada Januari lepas, semua ahli Jawatankuasa Eksekutif (Exco) FAM

bagi penggal 2025-2029 mengumumkan peletakan jawatan secara beramai-ramai atas dasar kolektif dan sukarela.

Keputusan itu dibuat sebulat suara, dengan mengambil kira tanggungjawab organisasi tanpa kepentingan peribadi atau jawatan, dan dilihat sebagai langkah berhemah serta berprinsip susulan situasi semasa yang menarik perhatian umum berkaitan isu pemain warisan, selain untuk memelihara integriti FAM.

Malaysia kini menghuni tangga kedua Kumpulan 'B' dengan mengumpul tiga mata, di belakang pendahulu Thailand yang memiliki kelebihan perbezaan jaringan selepas masing-masing memenangi perlawanan pembukaan.

Republik Filipina berada di tempat ketiga manakala Republik Kesatuan Myanmar dan Republik Demokratik Rakyat Lao menghuni dua tangga tercorot tanpa sebarang mata. Hanya dua pasukan teratas setiap kumpulan layak ke peringkat separuh akhir. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KITA MENDEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH DENGAN BERDOA, MEMOHON KEPADA-NYA